# DAFTAR ISI

**PERKARA** **HALAMAN**


| | | |
|---|---|---|
| HALAMAN TAJUK | | |
| PENGHARGAAN | | i |
| ABSTRAK | | iii |
| SENARAI CARTA | | xi |
| DAFTAR ISI | | |
| FASAL PERTAMA : | PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU : SATU TINJAUAN SEJARAH | |
| | 1.1 : Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 : Kedatangan Islam ke Terengganu dan Perkembangannya | 1 |
| | 1.3 : Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu - Penubuhan dan Perkembangannya hingga kini | 14 |
| | Nota Kaki | 22 |
| FASAL KEDUA : | ORGANISASI PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM DI NEGERI TERENGGANU | |
| | 2.1 : Pendahuluan | 26 |
| | 2.2 : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu | 26 |
| | 2.2.1 : Struktur organisasi | 26 |
| | 2.2.2 : Perjawatan | 30 |
| | 2.3 : Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu | 32 |
| | 2.3.1 : Struktur Organisasi | 33 |
| | 2.3.2 : Perjawatan | 33 |

2.4 : Jawatankuasa Fatwa 36

2.4.1 : Keahlian Jawatankuasa Fatwa 37

2.5 : Jabatan Kehakiman Syariah 37

2.5.1 : Struktur Organisasi 38

2.5.2 : Perjawatan 38

2.6 : Yayasan Islam Terengganu 43

2.6.1 : Struktur Organisasi dan Perjawatan 43

2.7 : Bidangkuasa institusi-institusi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 48

Nota Kaki 54

FASAL KETIGA : AKTIVITI PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU

3.1 : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu 56

3.1.1 : Aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam 56

3.1.2 : Aktiviti Zakat 57

3.1.3 : Aktiviti Dakwah 58

3.1.4 : Aktiviti Penguat-kuasaan dan Pendakwaan 61

3.1.5 : Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan 62

3.1.6 : Aktiviti Penyelidikan 64

3.1.7 : Aktiviti Pendidikan 64

3.2 : Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu 67

3.2.1 : Pentadbiran Am dan Kewangan 67

3.2.2 : Wakaf 68

| | | |
|---|---|---|
| | 3.2.3 : Baitulmal | 70 |
| | 3.2.4 : Pengurusan Projek dan Harta Benda | 70 |
| | 3.3 : Jawatankuasa Fatwa | 71 |
| | 3.4 : Jabatan Kehakiman Syariah | 72 |
| | 3.4.1 : Unit Mahkamah | 72 |
| | 3.4.2 : Unit Pentadbiran/ Kewangan | 72 |
| | 3.5 : Yayasan Islam Terengganu | 73 |
| | 3.5.1 : Pentadbiran | 73 |
| | 3.5.2 : Penyelidikan | 74 |
| | 3.5.3 : Pelaburan | 74 |
| | 3.5.4 : Pendidikan | 75 |
| | 3.5.5 : Khidmat Masyarakat dan Dakwah | 79 |
| | Nota Kaki | 83 |
| FASAL KEEMPAT : | MASALAH-MASALAH DALAM PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU | |
| | 4.1 : Pentadbiran | 84 |
| | 4.2 : Kemudahan dan Kelengkapan Kerja | 90 |
| | 4.3 : Perlaksanaan Aktiviti | 93 |
| | 4.4 : Publisiti dan Penerangan | 94 |
| | 4.5 : Kekurangan Kakitangan | 96 |
| | Nota Kaki | 100 |
| FASAL KELIMA : | RUMUSAN DAN CADANGAN | |
| | Rumusan | 101 |
| | Penutup | 106 |

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

LAMPIRAN D

LAMPIRAN E

LAMPIRAN F

LAMPIRAN G

LAMPIRAN H

LAMPIRAN I

LAMPIRAN J

# FASAL PERTAMA

# PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU : SATU TINJAUAN SEJARAH

## 1.1 Pendahuluan

Pentadbiran hal ehwal Islam negeri Terengganu telah bermula secara teratur sejak abad ke XIV Masihi lagi. Catatan terawal yang ditemui setakat ini, iaitu Batu Bersurat Terengganu membuktikan bahawa telah terdapat satu pentadbiran yang agak teratur berlandaskan undang-undang Islam.

Bertolak dari tarikh tersebut adalah dianggarkan Islam di Terengganu terus berkembang maju membentuk sebuah organisasi pentadbiran yang kukuh dan kemas hingga ke hari ini.

## 1.2 Kedatangan Islam Ke Terengganu dan Perkembangan nya

Tarikh kedatangan Islam ke Terengganu secara tepat masih merupakan rahsia sejarah yang belum dapat dibongkar oleh mana-mana ahli sejarah, baik dari dalam tanah air sendiri mahupun dari luar Malaysia.

Sehingga kini kita hanya terpaksa berpuashati dengan anggaran dan andaian yang dibuat berdasarkan kesan-kesan sejarah lain yang terdapat di Terengganu sendiri dan juga di sekitar Asia Tenggara.

Terengganu, atau nama klasiknya Tharrha merupakan sebuah pelabuhan terkenal di Laut Cina Selatan sebagai sebuah pelabuhan transit di antara negeri-negeri di Timur Tengah dan negeri Cina sejak sebelum abad ke VII M lagi. Pelabuhan ini terus berkembang maju tanpa gangguan, dan sehingga abad ke XIV M tidak terdapat sebarang catatan yang menyatakan ia ditakluki oleh kuasa-kuasa asing. Manakala Kuala Berang atau Foloan pada masa itu merupakan sebuah pelabuhan darat (inland) yang tunduk di bawah kuasa kerajaan Sri Vijaya yang berpusat di Palembang. Lantaran itu ia lebih terkenal sebagai pusat agama Buddha.

Kedua-dua pelabuhan ini tidak syak lagi menjadi kunjungan saudagar-saudagar dari Timur Tengah dan Cina semenjak abad ke VII M, memandangkan ia adalah pusat perniagaan yang maju di sekitar tahun-tahun

tersebut. Profesor Madya Dr Wan Hussin Azmi di dalam kertas kerjanya menulis:

> Saudagar-saudagar Muslimin Arab dan Parsi bergerak menuju ke pusat-pusat perniagaan di Champa, Pantai dan di Timur Semenanjung Tanah Melayu dengan melalui tiga jalan :
>
> Pertama : Melalui Segenting Kra di mana didapati Takupa, sebuah pusat perniagaan yang maju di abad ke VII M hingga ke abad XI M dan dari sini masuk ke Kemboja dan terus ke Champa.
>
> Kedua : Melalui utara Perak ke pusat perniagaan di Koli (Kelantan) dan Tharrha (Terengganu) dan Foloan (Kuala Berang).
>
> Ketiga : Selat Melaka digunakan di abad ke VII M, maka kapal-kapal perniagaan dari pelabuhan Kedah masuk ke Selat Melaka singgah di Temasik (Singapura) masuk ke Laut Cina Selatan dan singgah di pelabuhan-pelabuhan Pahang, Tharrha (Terengganu) Foloan, Koli (Kelantan), Premola, Kola dan kemudian

Kendrang[1] dan Kanton.

Dua daripada jalan-jalan ini secara langsung melibatkan Tharrha (Terengganu) dalam lingkungan jalan perniagaan saudagar-saudagar Arab dan Parsi. Jadi tidak ada sebab yang boleh menghalang pengembangan Agama Islam ke sini pada tahun-tahun di sekitar abad tersebut, apalagi ia merupakan sebuah negeri yang bebas daripada sebarang kuasa asing. Berdasarkan faktor inilah M.C. ff Sheppard berpendapat bahawa Terengganu mendahului Melaka menerima Islam sekurang-kurangnya sesuku abad.[2]

Walau bagaimanapun tiada keterangan jelas yang menunjukkan bagaimana agama Islam itu berkembang sehingga berjaya diwujud kan sebuah kerajaan Islam di Terengganu, dan bagaimana pula kerajaan itu melibatkan Foloan juga masih menjadi tandatanya. Cuma yang dapat diandaikan ialah Tharrha (Terengganu) berjaya menguasai Foloan dan lain-lain daerah di sekitarnya setelah kerajaan Sri Vijaya menghadapi zaman kemerosotannya pada akhir abad ke XIII M membentuk sebuah kerajaan Islam yang

bernama 'Benua Terengganu' sebagaimana yang tercatat di Batu Bersurat Terengganu:

> "Maka titah Seri Paduka Tuhan menduduki tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua."

Apa yang menjadi isu perbincangan dalam hubungan ini ialah tarikh "Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua" itu.

Terdapat beberapa tulisan mengenai Batu Bersurat Terengganu ini yang menyentuh tentang tarikhnya sejak beberapa dekad yang lalu.

Catatan pertama yang pernah dibuat ialah catatan Major H.S. Paterson. Paterson dalam membincangkan mengenai tarikh batu bersurat tersebut telah mencatatkan sebagai menepati bulan-bulan di antara Februari dan Mac tahun 1303 M, seratus tahun terdahulu daripada mana-mana rekod peringatan sebarang negeri yang menerima Islam di Semenanjung.[3] Bagaimana pun, beliau mengingatkan bahawa tarikh tersebut masih boleh dipertikaikan lagi berdasarkan kemungkinan perkataan terakhir di muka hadapan masih mempunyai sambungan ke muka lain yang



BATU BERSURAT TERENGGANU

hilang bahagian atasnya. Kata beliau:-

> "This represents approximately the months of February and March 1303 A.D a full hundred years before the next contemporary record of any state in Peninsula embracing the Muhammadan religion. It is indeed open to argument that the date which comprises the last words of the front face, may have continued with the addition of certain tens and units on the missing part of the back, but even this still keeps it within the 8th century of the Muhammadan era, and the 14th of our own."[4]

Selain daripada Paterson, tulisan C.O Blagden juga boleh dianggap sebagai catatan yang awal mengenai batu bersurat ini. Malah beliau telah membawa satu pandangan baru mengenai tarikhnya.

Blagden berpendapat, ayat terakhir di muka pertama yang mencatatkan tarikh batu bersurat tersebut tidak lengkap kerana tidak diakhiri dengan perkataan tahun. Jadi besar kemungkinan terdapat sambungan ayat tersebut di muka kedua yang telah musnah bahagian atasnya.[5] Hasil daripada keyakinan inilah beliau seterusnya mengemukakan beberapa tarikh yang munasabah sebagai tarikh batu bersurat itu.[6]

Walau bagaimanapun sehingga kini tidak dapat ditentukan manakah di antara tarikh-tarikh tersebut yang benar-benar tepat sebagai tarikh batu bersurat itu. Tidak keterlaluan jika kita katakan, Blagden sebenarnya terlalu banyak dipengaruhi oleh andaiannya sendiri mengenai tarikh-tarikh tersebut tanpa meneliti dengan lebih terperinci tentang kemungkinan tahun 702 H itu adalah satu tarikh yang asli. Beliau begitu ghairah mencipta tarikh-tarikh itu sehingga lupa bahawa muka A di mana terdapat nya tarikh batu bersurat merupakan muka pertama yang sudah tentu dipentingkan kesempurnaan tulisannya tanpa apa-apa sambungan ke muka lain. Apa lagi di dalam sistem kaligrafi Arab, sesuatu tulisan boleh dibentuk mengikut saiz yang dikehendaki oleh penulisnya. Jadi, sekiranya terdapat sambungan pada tarikh tersebut, sudah tentu ianya akan terdapat pada muka yang sama juga. Faktor inilah yang ditekankan oleh Profesor Syed Muhammad Naguib Al-Attas di dalam bantahannya terhadap pendapat Blagden itu.[7]

Syed Muhamad Naguib juga di dalam

tulisannya berjaya menonjolkan kelemahan Drewes, seorang lagi skolar Barat yang sependapat dengan Blagden yang menyebut bahawa tarikh tersebut tidak boleh diterima sebagai tarikh yang sah kerana bahagian tersebut telah musnah.[8]

Alasan 'bahagian tersebut telah musnah' secara terang membuktikan bahawa Drewes tidak mengkaji batu itu dengan terperinci, malah Syed Muhammad Naguib sendiri menyifatkan kenyataan Drewes ini sebagai menunjukkan beliau tidak mengkaji batu itu dengan sendiri tetapi membuat observasi berdasarkan gambar-gambar sahaja.[9]

Sebenarnya bahagian di mana berakhirnya tarikh 702 itu tidak mengalami apa-apa kerosakan atau kehilangan sama sekali. Blagden sendiri pada hakikatnya tidak melandaskan keraguannya kerana berlaku kerosakan di situ tetapi menyatakan kemungkinan bersambung ke muka lain yang hilang bahagian atasnya.

Untuk menentukan tarikh sebenar batu bersurat tersebut, Syed Muhamad Naguib

telah merangkum seluruh ayat di baris ke lapan hingga ke sebelas muka pertama batu bersurat menjadi;

> (8).....maka titah Seri Paduka (9) Tuhan menduduki tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada (10) Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala (11) Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua.

Apabila frasa 'adi pertama ada' disambung dengan 'Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan; ayat ini dapat difaham sebagai hari Jumaat yang pertama di dalam bulan Rejab di tahun Saratan. Pada tahun 702 H, hari Jumaat yang pertama di bulan Rejab ialah 4hb Rejab bersamaan dengan 22hb Feb. 1303 M.[10]

Bagaimanapun, Tuan Hj Khair bin Hj Taib, seorang ahli falak Malaysia yang terkenal berkeyakinan bahawa hari Jumaat yang pertama di bulan Rejab di tahun Saratan itu jatuh pada 6hb Rejab 702 H bersamaan 24hb Feb. 1303 M,[11] selisih dua hari daripada perkiraan yang dibuat oleh Syed Muhammad Naguib Al-Attas. Beliau membuat kesimpulan hasil daripada analisa falaknya seperti berikut;

a. Saya berkeyakinan bahawa 1hb Rejab 702 H jatuh pada hari Ahad bersamaan 19hb Feb. 1301 M dan hari Jumaat berikut nya jatuh pada 6hb Rejab bersamaan 24hb Februari.

b. Saya yakin bahawa bulan dalam gerakan di angkasa pada hari Jumaat 6hb Rejab 702 H didapati sedang bergerak dalam bulan Saratan.

c. Saya yakin perkataan ".....tujuh ratus dua....." yang terpahat pada Batu Bersurat Terengganu itu adalah tetap - tujuh ratus dua - dengan tidak ada tambahan lagi apa-apa perkataan tarikh pada muka yang berikutan dengannya.[12]

Namun begitu, walau apa sekali pun andaian mengenai tarikhnya, Batu Bersurat Terengganu jelas membuktikan bahawa Islam telah lama bertapak dan berkembang di Terengganu sehingga mampu mewujudkan satu penggubalan undang-undang yang kukuh berdasar kan syariat Islam dan mengisytiharkan perjalanan hukumnya pada tahun 702 H/1303 M. Ini dipetik daripada pengertian sejarah

dari batu bersurat sebagaimana yang diutarakan oleh Profesor Dr Wan Hussin Azmi di dalam kertas kerjanya, di Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu :[13]

1. Di permulaan abad ke XIII M, Terengganu adalah sebuah kerajaan Islam yang merdeka.

2. Pemerintah kerajaan ini, ialah anak negeri tempatan (bukan Arab/Parsi).

3. Hukum syara' dipraktikkan dengan sepenuh nya di Terengganu.

4. Terengganu mempunyai ulama' yang cukup untuk menjalankan hukum syara'.

5. Terengganu yakin ia mempunyai kekuatan tentera yang kuat untuk menghadapi cabaran dari kerajaan Hindu/Buddha yang masih kuat di gugusan Pulau-pulau Melayu.

6. Tahun raja Muslim Terengganu mula memerintah ialah tahun 702H (1303M) bersamaan tahun Saratan (Burj Sarata).

Kerajaan Islam Terengganu di bawah

pemerintahan Mandalika (702H/1303M) ini, terus berkembang maju sehinggalah ia diserang oleh kerajaan Majapahit pimpinan Hayam Wuruk pada tahun 1365M.

Bagaimanapun seperti kata Paterson, walaupun Terengganu berada di bawah kuasa Majapahit yang beragama Hindu/Buddha, ini tidak menolak kenyataan bahawa Terengganu tetap beragama Islam.[14] Dipercayai sepanjang pemerintahannya (1365M-1414M), penyebaran Islam tetap berlaku di Terengganu.

Islam di Terengganu menjadi lebih kuat apabila ia berada di bawah kuasa kerajaan Islam Melaka pada tahun 1414M yang mengamalkan undang-undang Islam yang bernama Risalat Hukum Kanun. Pada masa ini, pemerintah Terengganu dikenali dengan gelaran 'Telanai'[15] yang berketurunan megat.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M, walaupun meninggalkan kesan yang besar kepada pedagang, pendakwah dan penyebar Islam di sana, tidak mempengaruhi perkembangan Islam di Terengganu. Demikian juga dengan perselisihan politik yang berlaku

di antara Johor dan Aceh pada tahun XVIM dan XVIIM ketika Terengganu berada di bawah kuasa Kerajaan Johor. Terengganu tidak terlibat langsung dalam pergolakan ini. Malah suasana aman di sini, telah menjadi tumpuan, baik kepada pelarian-pelarian perang yang mencari tempat perlindungan mahupun kepada pedagang dan pendakwah sebagai tapak perniagaan dan penyebaran dakwah yang baru. Ini termasuk ahli-ahli tasawuf yang sentiasa mencari tempat-tempat aman untuk berzikir sekaligus menanam ilmu tasawuf di kalangan penuntut agama di waktu itu.

Keadaan ini berterusan sehinggalah perlantikan sultan Terengganu yang pertama, Sultan Zainal Abidin I (1725-1733). Islam terus mendapat tempat di dalam pentadbiran negeri Terengganu dan menjadi agama rasmi negeri hingga ke hari ini. Ini diakui oleh kerajaan British semasa pemerintahannya di dalam perjanjian Inggeris-Terengganu 1910;

> "Bahawa inilah surat perjanjian yang ditetapkan di dalam beberapa perkara yang berkenaan di antara kerajaan yang maha besar Benua Inggeris dan kerajaan negeri Terengganu yang Islamiyah Malayuwiyah yang berkerajaan sendiri."[10]

## 1.3 Institusi Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu - Penubuhan dan Perkembangannya Hingga Kini

Pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu sebenarnya dapat dilihat sejak termaktubnya Batu Bersurat Terengganu lagi. Walau bagaimana pun, corak pentadbirannya pada waktu itu tidak dapat dipastikan. Yang nyata, telah terdapat undang-undang yang melibatkan hal ehwal orang-orang Islam.

Pada masa pemerintahan raja-raja Melayu terawal dahulu, tidak terdapat undang-undang bertulis yang menjadi panduan kepada masyarakat Islam di Terengganu. Yang ada hanyalah kalam dan titah sultan yang menjadi undang-undang apabila diucapkan.[17] Namun begitu, undang-undang yang dibuat itu sudah tentu tidak terkeluar daripada landasan Islam. Ini disebabkan sultan pada waktu itu, amat rapat perhubungannya dengan golongan ulama. Malah sultan sendiri boleh dikatakan seorang alim berdasarkan ilmu yang ada pada baginda.

Ini dapat dilihat pada masa pemerintahan baginda Sultan Omar (1839M-1876M) dan Sultan Zainal Abidin III (1881M-1918M) di mana

kedua-duanya amat menitik beratkan tentang hal ehwal Islam Terengganu. Ini terbukti apabila jawatan tertinggi di dalam pemerintahan Sultan Omar, iaitu jawatan Perdana Menteri telah dijawat oleh Sayyid Muhamad Zainal Abidin Al-Idrusi (Sayyid Zain)[18] atau lebih dikenali sebagai Tokku Tuan Besar di kalangan rakyat Terengganu, seorang alim yang terkemuka.

Walau pun bentuk pentadbiran sebenar tidak dapat dikesan, tetapi catatan paling awal telah menunjukkan bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733) sudah terdapat jawatan kadi di negeri Terengganu yang disandang oleh seorang ahli agama yang bernama Wan Imam Mahmud[19] serta satu jawatan yang bernama Syaikhul Islam.[20] Akan tetapi bagaimana kedua jawatan ini berfungsi di dalam pentadbiran negeri dan setakat mana bidang kuasanya tidaklah dapat diketahui. Sementara itu Mufti yang paling awal yang dapat diketahui ialah Tuan Sheikh Abd Kadir bin Abd Rahim Bukit Bayas, pada masa pemerintahan Sultan Omar.[21]

Apa yang dapat diperhatikan daripada jawatan-jawatan ini, terutamanya jawatan

Perdana Menteri ialah pentadbiran negeri Terengganu pada waktu tersebut bermula di istana dengan dipimpin oleh golongan ulama' berlandaskan hukum Islam. Jadi tidak timbul persoalan tentang pentadbiran hal ehwal Islam yang khusus dan berasingan daripada pentadbiran hal ehwal negeri yang lain.

Undang-undang Mahkamah 1885 yang digubal pada masa pemerintahan baginda Sultan Zainal Abidin III membuktikan pentadbiran negeri Terengganu pada waktu itu telah meletakkan agama Islam sebagai panduan terulung. Ini diperkemaskan lagi dengan penggubalan satu undang-undang tubuh negeri Terengganu pada tahun 1911.[22] Dr Abdullah Alwi menyifatkan undang-undang ini sebagai percubaan paling berani yang pernah dibuat oleh umat Islam di Malaysia setelah sekian lama dijajah.[23] Undang-undang ini secara terang telah memperuntukkan Islam sebagai agama negeri Terengganu untuk selama-lamanya.

> "Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiah 'Malayuwiah' ialah yang dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri sekalipun

> banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.[24]

Perlu disebutkan di sini, Inggeris pada waktu tersebut telah mula bertapak di Terengganu melalui Perjanjian Terengganu dengan Great Britain pada 22hb April, 1910.[25] Walau bagaimanapun, wakil British yang dihantar hanyalah bertugas sebagai konsular dan tidak berkuasa untuk mencampuri pentadbiran negeri.

Campur tangan Inggeris ini, walaupun tidak melibatkan pentadbiran negeri secara langsung sedikit sebanyaknya telah mempengaruhi sistem pentadbiran Terengganu. Pada tahun 1912M, negeri Terengganu telah mengadakan peraturan tata tertib jawatan negeri dan pejabat-pejabat kerajaan termasuk pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan. Peraturan yang bertujuan untuk melicinkan pentadbiran ini, secara tidak langsung mula menampakkan pengasingan pentadbiran hal ehwal agama Islam daripada pentadbiran awam negeri. Keadaan ini menjadi lebih ketara lagi apabila termaktub Perjanjian Terengganu dengan Great Britain pada tahun 1919M. Dengan perjanjian tersebut, kuasa Inggeris semakin kuat di dalam

pentadbiran Terengganu. Mengenai hal tersebut M.G. Maxwell menulis:-

> "His Highness the Sultan of Terengganu will receive and provide a suitable residence for a British officer to be called the British Adviser, who shall live within the state of Terengganu and whose advise must be asked and acted upon in all matters affecting the general administration of the country and all questions other than those thouching the Muhammad religion."[26]

Pentadbiran dan undang-undang negeri Terengganu yang selama ini belandaskan agama Islam semakin disempitkan bidang kuasanya. Sultan hanya berkuasa terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam sahaja, manakala pentadbiran awam negeri dijalankan oleh pusat selaras dengan penggabungan negeri-negeri di tanah Melayu.

Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan merupakan satu-satunya wadah yang diberikan kepada sultan untuk menjalankan kuasanya. Mahkamah Syariah hanya berkuasa membicarakan kes-kes sivil yang melibatkan perkahwinan, perceraian, nafkah anak dan isteri, warisan dan harta sepencarian.[27] Sementara bidang

kuasa jenayah pula hanya terhad kepada kes-kes matrimoni, seperti menganiayai isteri, kesalahan-kesalahan seks, minuman keras, tidak bersembahyang Jumaat, tidak berpuasa, tidak membayar zakat dan fitrah, pengambilan anak angkat dan lain-lain kesalahan yang termasuk di dalam kategori di atas.

Di dalam peruntukan bidang kuasa yang kecil inilah Jabatan Pesuruhjaya Agama dan Keadilan, yang kemudiannya bertukar menjadi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, bertindak mengurus hal ehwal agama Islam di seluruh negeri tersebut. Ia, pada asalnya terletak di Balai Besar, di dalam kawasan Istana Maziah, berhampiran dengan tapak Pejabat Kadi yang dijadikan tempat Panca Persada sekarang.[28] Sejak itu, jabatan ini sering berpindah dari satu bangunan ke satu bangunan hinggalah ke pejabatnya sekarang di Wisma Negeri.

Selain daripada jabatan ini yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam Terengganu, pada tahun 1946M satu undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat

Istiadat Melayu telah ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.[29] Dengan itu pada tahun 1949 terbentuklah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (selepas ini disebut MAJLIS) yang berperanan membantu dan menasihati sultan dalam semua perkara yang bersangkut dengan agama, negeri dan adat istiadat Melayu.

Pada awalnya, MAJLIS merupakan sebuah lembaga yang tidak berpejabat, hanya mempunyai jawatankuasa yang dipanggil Ahli MAJLIS. Kemudian ia dimasukkan ke dalam organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sehinggalah pada tahun 1986 apabila undang-undang MAJLIS dipinda menjadi Enakmen bil. 12, 1986, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.[30] MAJLIS kini merupakan sebuah badan yang mempunyai organisasinya sendiri di samping objektif asalnya iaitu membantu dan menasihati sultan dalam segenap segi baik di segi agama, negeri mahupun adat istiadat Melayu.

Di samping itu terdapat satu badan dakwah di Terengganu yang ditubuh berdasarkan Enakmen bil. 1 tahun 1974 yang dikenali

sebagai Yayasan Islam Terengganu. Yayasan ini merupakan sebuah badan berkanun yang sentiasa berganding rapat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dalam menjalankan tugas-tugas dakwahnya. Ia ditubuh pada 9hb Ogos 1976 dab berfungsi sepenuhnya pada tahun 1978.

Ketiga-tiga organisasi inilah, pada hari ini, menggembeling tenaga menjaga dan mengawasi kemaslahatan umat Islam di negeri Terengganu.

## Nota kaki

[1] Wan Hussin Azmi, Perkembangan Islam dari Zaman Permulaan Hingga Kini, Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, 1981. hal 25 & 26.

[2] M.C.ff.Sheppard, A Short History of Terengganu, JMBRAS Vol.XXII, Part 3, 1949. hal. 4.

[3] H.S.Paterson, An Early Malay Inscription from Terengganu, JMBRAS Vol.II, 1924. hal. 253.

[4] Ibid.

[5] C.O. Blagden, A Note on the Terengganu Inscription, JMBRAS Vol.II, 1924. hal. 259.

[6] Ibid.

[7] Syed Muhammad Naguib Al-Attas, The Correct Date of the Terengganu Inscription, Museums Department, Kuala Lumpur : 1970. hal. 12.

8 G.W.J. Drewes, New Light on the Coming of Islam to Indonesia?, Bijdragen tot de Taal-land-en Volkenkunde. Deel 124, 4e Afleve ring, s'-Gravenhage, 1968. hal. 455.

9 Syed Muhammad Naguib Al-Attas, op.cit., hal. 5 & 6.

10 Ibid. hal. 22 & 23.

11 Khair bin Hj Taib Tuan Hj , Ketetapan Tarikh pada Batu Bersurat, Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, Mei, 1981. hal. 12.

12 Ibid. hal. 15.

13 Wan Hussin Azmi, op.cit. hal. 47.

14 H.S. Paterson, op.cit. hal. 254.

15 Gelaran ini dipakai di Timur Laut Malaya yang berasal dari Sumatera - M.C.ff. Sheppard, op.cit. hal. 4.

[16] Lihat Lampiran.

[17] Cerita daripada Dato' Setia Jasa (MISBAHA).

[18] Shafie Abu Bakar, Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Islam di Terengganu, Pesaka V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu : 1989. hal. 23.

[19] Beliau adalah anak Tok Faqih Wan Hassan bin Tok Faqih Wan Ali yang berasa dari Patani dan merupakan murid kepada Sheikh Abd Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis).

[20] Cerita daripada Dato' Setia Jasa (MISBAHA).

[21] Dato' Setia Jasa (MISBAHA), Sepintas Lalu Catatan Sejarah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Darul Iman, Pesaka V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu : 1989. hal.101.

[22] Undang-undang Bagi Diri Negeri Terengganu, Itqanul Muluk bi Ta'dilil Suluk, 1911. Lihat lampiran.

[23] Abdullah Alwi Hj Hassan, Perlaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri Malaysia - Suatu Ulasan, diedit oleh Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, Ke Arah

Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur : 1988. hal. 96.

[24] Itqanul Muluk bi Ta'dilil Suluk, Fasal 51.

[25] Perjanjian Terengganu dengan Great Britian 1910. Lihat Lampiran.

[26] W.G. Maxwell and W.S. Gibson, Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo, Jas. Truscott & Son Ltd, Suffolk Lane, E.C : 1924. hal. 114.

[27] Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur : 1986. hal. 55.

[28] Dato' Setia Jasa (MISBAHA), op.cit.

[29] Ibid. hal. 102.

[30] Sebelum ini, undang-undang tersebut pernah dipinda menjadi Undang-undang bil. 4 Tahun 1955, Undang-undang Pentadbiran Hukum Syara' Tahun 1955 (1375).

# FASAL KEDUA

# ORGANISASI PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM DI NEGERI TERENGGANU

## 2.1 Pendahuluan

Terdapat tiga organisasi besar yang mentadbir hal ehwal Islam di negeri Terengganu iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan Yayasan Islam Terengganu. Bagaimanapun, pada tahun 1987, sejajar dengan penggubalan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 1986 dan penyusunan semula organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), pentadbiran Mahkamah Syariah mula diasingkan membentuk Jabatan Mahkamah Syariah.

## 2.2 Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

### 2.2.1 Struktur Organisasi

Organisasi JHEAT ditadbir menerusi tujuh bahagian dengan diterajui oleh seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama di bawah pengawasan Kerajaan Negeri.

Setiap aktiviti, kecuali Aktiviti Zakat, diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya (KPP) yang bertindak mengawasi perjalanan aktiviti-aktiviti masing-masing.

Perlu disebutkan di sini, organisasi pentadbiran JHEAT tidak mempunyai setiausaha sebagaimana yang terdapat di jabatan-jabatan lain. Ini disebabkan KPP setiap bahagian telah bertindak sebagai setiausaha bagi JHEAT menerusi aktiviti masing-masing.

Tujuh bahagian aktiviti yang disebutkan tadi terdiri daripada:

1. Aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam
2. Aktiviti Zakat
3. Aktiviti Dakwah
4. Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan
5. Aktiviti Pentadbiran Am & Kewangan
6. Aktiviti Penyelidikan
7. Aktiviti Pendidikan

Aktiviti-aktiviti ini seterusnya

CARTA
ORGANISASI JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TRENGGANU



dibahagi kepada unit-unit kecil di bawahnya bagi melicinkan lagi perjalanan tugas yang terdapat di dalamnya.

Pertamanya, Aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam. Aktiviti ini dibahagikan kepada tiga unit iaitu, Unit Pendaftaran, Unit Pembangunan Keluarga dan Unit Khidmat Nasihat. Yang kedua ialah Aktiviti Zakat. Aktiviti ini tidak mempunyai pembahagian tertentu. Aktiviti seterusnya ialah Aktiviti Dakwah yang mempunyai empat unit di bawahnya, iaitu unit Ukhuwah, Unit Dakwah, Unit Qariyah dan Masjid Negeri. Sementara Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan membahagikan tugasnya kepada dua unit, iaitu Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan.

Di dalam Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan, yang merupakan tulang belakang pentadbiran JHEAT, pengendaliannya dibahagi kepada tiga unit iaitu Unit Perkhidmatan,

Unit Kewangan dan Unit Pembangunan. Manakala di bawah Unit Pendidikan terdapat tiga bahagian pentadbiran iaitu Pentadbiran Sekolah, Sekolah Menengah Agama dan Maahad Tahfiz. Sementara Aktiviti terakhir iaitu Aktiviti Penyelidikan, seperti juga Aktiviti Zakat tidak mempunyai pembahagian tertentu.

### 2.2.2 Perjawatan

Jawatan pertama di dalam organisasi JHEAT ialah jawatan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Beliau merupakan pegawai agama kumpulan A tingkatan tertinggi E yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.[1]

Manakala jawatan seterusnya ialah Ketua-ketua Penolong Pesuruhjaya yang bertanggungjawab mengendalikan aktiviti masing-masing. Kecuali di dalam Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan, KPP yang mengetuai setiap aktiviti merupakan pegawai-pegawai kumpulan A tingkatan tertinggi G. Di dalam Aktiviti Penguatkuasaan

dan Pendakwaan, KPPnya adalah pegawai kumpulan A tingkatan kanan.

Dalam pada itu, di dalam Aktiviti Zakat, pengendalian tugas dilakukan oleh Penolong Pesuruhjaya bukannya KPP. Walau bagaimanapun, selaras dengan format yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu Baitulmal Kebangsaan dan telah dipertimbangkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia baru-baru ini, beberapa jawatan baru yang melibatkan pegawai-pegawai kumpulan A telah dipohon. Ini termasuklah jawatan KPP bagi Aktiviti Zakat dan Penolong Pesuruhjaya bagi unit-unit di bawahnya iaitu Penolong Pesuruhjaya Taksiran, Penolong Pesuruhjaya Pungutan serta Penolong Pesuruhjaya Agihan.[2]

Sementara itu, unit-unit kecil di dalam setiap aktiviti diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya yang merupakan pegawai-pegawai kumpulan A Tingkatan Khas dan Biasa.

Lain-lain jawatan di dalam unit-unit ini dikendalikan oleh kakitangan-kakitangan kumpulan C dan D. Selain daripada itu, satu hal yang perlu diingatkan, seluruh pegawai di dalam Unit Perkhidmatan Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan telah dipinjamkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

## 2.3 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAJLIS) merupakan sebuah badan berkanun yang mengendalikan semua urusan hal ehwal agama Islam yang melibatkan kewangan tanpa mengenepikan fungsi asalnya iaitu sebagai penasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua hal yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu Terengganu.

Badan ini mempunyai organisasi dan kegiatannya yang tersendiri dalam mengurusi hal-hal bersangkutan dengan wakaf dan baitulmal penduduk Terengganu serta mengendali kan projek kewangan dan harta daripada dua sumber tersebut.

## 2.3.1 Struktur Organisasi

MAJLIS dipimpin oleh ahli-ahli Majlis yang terdiri daripada seorang Yang Dipertua, Mufti dan tidak kurang daripada tujuh orang ahli lain yang mana dua pertiga hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan di bidang agama Islam.[3] Ahli-ahli Majlis adalah dilantik oleh DYMM Sultan.[4]

MAJLIS dikendali menerusi empat bahagian iaitu Wakaf, Pentadbiran Am dan Kewangan, Baitulmal dan Pengurusan Projek dan Harta Benda. Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan seterusnya dibahagikan kepada dua unit kecil iaitu Unit Perkhidmatan dan Unit Kewangan.

## 2.3.2 Perjawatan

Jawatan tertinggi di dalam MAJLIS ialah jawatan Yang Dipertua. Beliau adalah individu yang sama dengan Pesuruhjaya JHEAT.

CARTA 2 : CARTA ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT MELAYU TERENGGANU



Di bawah Yang Dipertua, terdapat Timbalan Yang Dipertua yang merupakan pegawai tingkatan tertinggi G. Di bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan, MAJLIS melantik seorang Setiausaha yang merupakan setiausaha kepada MAJLIS. Beliau adalah pegawai kumpulan A tingkatan kanan. Di bawahnya, di Unit Perkhidmatan, bertugas seorang Penolong Setiausaha dan di Unit Kewangan pula dikendalikan oleh seorang Pegawai Kerja Akaun daripada Kumpulan B. Kedua-duanya dibantu oleh pegawai kerani daripada kumpulan C dan kakitangan-kakitangan daripada kumpulan D.

Bahagian Wakaf dan bahagian Baitulmal dikendalikan oleh seorang Nazir, sementara di bahagian Pengurusan Projek dan Harta Benda diuruskan oleh Pegawai Kewangan dan Pembangunan. Mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai kumpulan A tingkatan biasa dengan dibantu oleh pegawai dan kakitangan kumpulan B dan C.

Oleh kerana MAJLIS baru saja menyusun semula organisasinya, kesemua jawatan ini terutamanya yang melibatkan pegawai-pegawai kumpulan A, masih berada di peringkat permohonan. Buat masa ini MAJLIS masih meminjam pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Unit Perkhidmatan Pentadbiran Am dan Kewangan JHEAT. Sementara Setiausaha MAJLIS merupakan individu yang sama dengan KPP Dakwah di JHEAT.

## 2.4 Jawatankuasa Fatwa

Jawatankuasa Fatwa ditubuh mengikut Seksyen 24 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 1986.[5] Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu hal yang berlaku di dalam masyarakat yang berkaitan dengan hukum Islam apabila diminta oleh seseorang atau sesuatu pihak.

Jawatankuasa ini sebenarnya merupakan sebuah jawatankuasa di dalam MAJLIS yang mempunyai keahliannya sendiri.

### 2.4.1 Keahlian Jawatankuasa Fatwa

Jawatankuasa Fatwa dianggotai oleh seorang Mufti dan tidak lebih daripada tiga orang ulama dari kalangan ahli MAJLIS dan tidak kurang daripada empat orang yang layak sama ada daripada ahli MAJLIS ataupun tidak.[6]

Perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa ini dibuat oleh DYMM Sultan dan baginda berhak untuk membatalkan mana-mana perlantikan.

## 2.5 Jabatan Kehakiman Syariah

Jabatan in merupakan institusi hal ehwal agama Islam yang baru. Walaupun sebelum ini telah wujud sistem kehakiman Syariah di Terengganu tetapi pentadbirannya tertakluk kepada pentadbiran JHEAT.

Pada tahun 1987 sejajar dengan penyusunan semula organisasi pentadbiran JHEAT, mahkamah Syariah mula diasingkan membentuk Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu.

### 2.5.1 Struktur Organisasi

Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dibahagikan mengikut peringkat mahkamah Syariah.

Ia didahului oleh Mahkamah Rayuan Syariah, kemudian diikuti oleh Mahkamah Tinggi Syariah yang dibahagi mengikut daerah di negeri Terengganu. Setakat ini, terdapat empat buah Mahkamah Rendah Syariah, iaitu sebuah di Kuala Terengganu sebuah di Dungun dan Kemaman, sebuah di Besut dan Setiu dan sebuah lagi di Hulu Terengganu dan Marang.

Pentadbiran Mahkamah Rendah Syariah ini, terbahagi kepada dua iaitu Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan dan Bahagian Mahkamah.

### 2.5.2 Perjawatan

Jawatan-jawatan di dalam Jabatan Kehakiman diagih mengikut peringkat mahkamah. Buat masa ini masih banyak jawatan-jawatan yang baru

CARTA 3 : CARTA ORGANISASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU



dipohon oleh jabatan ini memandangkan ianya baru sahaja berfungsi pada tahun 1988 menerusi organisasinya sendiri, terutama kakitangan daripada kumpulan C dan D.

1. Mahkamah Apil Syariah

Mahkamah Apil Syariah mempunyai tiga orang ahli iaitu pengerusi yang dilantik di bawah Seksyen 28(1)(a), seorang yang dipilih daripada Jawatankuasa Fatwa dan seorang yang dipilih daripada sekumpulan ramai yang beragama Islam bermazhab Syafie dan dilantik pada tiap-tiap tiga tahun serta diberi tauliah oleh DYMM Sultan.[7]

2. Mahkamah Tinggi Syariah

Mahkamah Tinggi diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tingkat tertinggi G. Beliau adalah seorang yang dilantik melalui Seksyen 28(1)(b) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal

Islam 1986.

Di bawahnya ialah Pendaftar Mahkamah yang merupakan seorang pegawai kumpulan A. Sementara itu, di bahagian Pentadbiran dan Kewangan terdapat seorang pegawai kerani kanan daripada kumpulan C dan beberapa jawatan yang baru dipohon bagi melicinkan lagi perjalanan pentadbiran mahkamah yang melibatkan kakitangan kumpulan C dan D.

Manakala di bahagian Mahkamah pula dikendalikan oleh Pembantu Tadbir Hal Ehwal Agama tingkatan biasa kumpulan C dan seorang penghantar cepat daripada kumpulan D.

3. Mahkamah Rendah Syariah

Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah di setiap daerah kecuali di Kuala Terengganu, diketuai oleh seorang Yang Dipertua, iaitu pegawai daripada kumpulan

A dengan dibantu oleh seorang Penolong Pendaftar daripada kumpulan B.

Sementara bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan diuruskan oleh Pegawai kerani tingkatan biasa manakala di bahagian Mahkamah pula ditugaskan seorang Pembantu Tadbir Hal Ehwal Agama tingkatan biasa dan seorang penghantar cepat, pekerja daripada kumpulan D.

Berbeza dengan Mahkamah Rendah Syariah di daerah Kuala Terengganu yang ditadbir oleh seorang Pendaftar di bawah pengawasan Yang Dipertua, di bahagian Pentadbiran dan Kewangan dikendalikan oleh seorang Pegawai Kerani kanan dan beberapa orang kakitangan kumpulan C. Di bahagian Mahkamah, seperti lain-lain daerah terdapat Pembantu Tadbir Agama dan seorang penghantar cepat.

## 2.6 Yayasan Islam Terengganu

Yayasan Islam Terengganu ditubuhkan dengan objektif untuk membantu penyebaran Islam di Terengganu. Ia merupakan badan berkanun yang menjalankan aktiviti dakwahnya selaras dengan JHEAT dan institusi-institusi agama yang lain.

### 2.6.1 Struktur Organisasi dan Perjawatan

Pentadbiran Yayasan Islam Terengganu diterajui oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Islam Terengganu. Lembaga ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar, manakala ahli-ahli lain lembaga ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pesuruhjaya JHEAT serta tujuh orang ahli lain yang dilantik.[8]

Lembaga ini bertanggungjawab membuat polisi dan merancang segala aktiviti Yayasan Islam Terengganu (YIT). Untuk melaksanakan perancangan perancangan ini, organisasi YIT dibahagi kepada beberapa bahagian.

CARTA 4 : CARTA ORGANISASI YAYASAN ISLAM TERENGGANU



CARTA 4 : CARTA ORGANISASI YAYASAN ISLAM TERENGGANU



Ia diketuai oleh seorang Pengarah yang merupakan seorang pegawai kumpulan A tingkat tertinggi F. Beliau dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Kanan tingkatan tertinggi G. Di bawahnya terdapat beberapa orang Ketua Penolong Pengarah yang bertanggungjawab mengendalikan bahagian aktiviti masing-masing kecuali di bahagian Penyelidikan yang hanya mempunyai Penolong Pengarah sahaja. Mereka ialah pegawai kumpulan A-12. Terdapat lima bahagian aktiviti di YIT iaitu:

1. Pentadbiran
2. Penyelidikan
3. Pendidikan
4. Khidmat Masyarakat dan Dakwah
5. Pelaburan

Ketua-ketua Penolong Pengarah di setiap bahagian akan dibantu oleh Penolong Pengarah iaitu pegawai-pegawai kumpulan A tingkat biasa.

Di bahagian pentadbiran, selain daripada Penolong Pengarah, terdapat

dua pegawai lain yang bertugas dalam bidang yang berasingan iaitu seorang Pegawai Kerja daripada kumpulan B dan seorang Akauntan, Penolong Pengarah mengendalikan urusan pentadbiran di mana di bawahnya terdapat beberapa orang kerani daripada kumpulan C iaitu Pegawai Kerani Tinggi, Pegawai Kerani Kanan, Pegawai Kerani, Pegawai Kerani Rendah, Jurutrengkas, Jurutaip dan beberapa orang kakitangan kumpulan D. Manakala Akauntan pula mengendalikan segala urusan kewangan YIT. Beliau dibantu oleh Pegawai Kerja Akaun Kanan daripada kumpulan B dan empat orang Pegawai Kerani Kewangan serta seorang Penyimpan Kira-kira daripada kumpulan C.

Sementara itu, di bahagian Pendidikan, dibahagikan kepada tiga bahagian pentadbiran. Bahagian pertama dikendalikan oleh seorang penyelia daripada kumpulan B yang menguruskan perjalanan pentadbiran bahagian Pendidikan YIT. Beliau

dibantu oleh Pembantu Penyelia, empat orang Pembantu Penyelia Rendah dan beberapa orang pegawai kerani. Bahagian yang kedua ialah bahagian yang berkaitan dengan tadika. Bahagian ini diuruskan oleh seorang Penolong Penyelia Tadika tingkatan kanan dengan dibantu oleh Penolong Penyelia Tadika tingkatan biasa daripada kumpulan C. Manakala bahagian ketiga pula ialah bahagian Pusat-pusat Pendidikan iaitu sekolah-sekolah Menengah dan sekolah-sekolah rendah agama kelolaan YIT.

Di Bahagian Khidmat Masyarakat dan Dakwah terdapat dua orang Penolong Pengarah yang dibantu oleh dua orang pengelola yang terdiri daripada pegawai-pegawai kumpulan B. Di bawahnya terdapat beberapa orang pegawai daripada kumpulan C iaitu Penasihat Agama, pegawai kerani dan pembantu pengelola.

Manakala di bahagian Pelaburan, Penolong Pengarah dibantu oleh

tiga orang Pegawai Kerani Projek I, II dan III. Mereka ini merupakan kakitangan kumpulan C.

## 2.7 Bidangkuasa Institusi-institusi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu

Setakat ini, bidangkuasa institusi institusi pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu, sebagaimana di negeri-negeri lain di Malaysia, adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.

Jadual ke 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan hukum Syarak, Undang-undang Diri dan Keluarga bagi orang yang menganut agama Islam adalah terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.[9]

Institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam negeri hanya berkuasa mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan, pertunangan, perceraian, mas kahwin, nafkah anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, taraf anak, pengambilan anak angkat, wasiat, wakaf Islam, ta'rif serta peraturan mengenai

amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanat dan perbadanan, yayasan, amanat khairat dan yayasan khairat, adat istiadat Melayu, zakat, fitrah dan baitulmal, hasil-hasil agama Islam, masjid, surau, mengada dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan ole umat Islam terhadap rukun Islam dan kesalahan-kesalahan lain yang telah diberi kuasa olah mahkamah Syariah untuk membincarakannya.

Mahkamah Syariah berkuasa di dalam bidangkuasa iaitu mal dan jenayah. Di dalam bidangkuasa mal, ia hanya berkuasa mendengar, membicarakan dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam yang berhubung dengan:

1. Munakahat dan pemberian harta atau tuntutan harta.

2. Nafkah orang-orang dalam tanggungan, kesahtarafan di segi hukum Syarak dan hadhanah.

3. Pembahagian dan tuntutan harta sepencarian

4. Penentuan orang yang berhak mendapat

bahagian harta pesaka si mati dan bahagiannya mengikut hukum Syarak.

5. Wasiat dan pemberian harta yang dibuat semasa hendak mati oleh si mati yang beragama Islam.

6. Pemberian masa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan wang tunai atau benda bernilai wang oleh orang yang beragama Islam.

7. Wakaf dan nazar.

8. Lain-lain perkara yang mengenainya bidang kuasa diberi oleh mana-mana Undang-undang bertulis.[10]

Manakala di dalam bidangkuasa jenayahnya, berkuasa membicara dan menjatuhkan hukuman semua kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam yang boleh dihukum di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 1986 dan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Di Terengganu, peruntukan hal ehwal Islam ditadbir mengikut institusi-institusi yang ada. Misalnya, JHEAT mentadbir hal ehwal yang bersangkutan dengan keluarga Islam, zakat, dakwah, penguatkuasaan

dan pendakwaan, penyelidikan dan pendidikan. Manakala MAJLIS pula berkuasa mentadbir hal-hal yang melibatkan kewangan dan harta Islam seperti wakaf, baitulmal dan pengurusan projek dan harta benda. Mahkamah Syariah berkuasa menjalankan perbicaraan kes-kes jenayah dan mal tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Enakmen. Sementara itu YIT bertindak sebagai pembantu dalam kegiatan dakwah di Terengganu.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sedikit percampuran kuasa walaupun pengagihan nya telah dibuat mengikut aktiviti-aktiviti tertentu. Contohnya Bahagian Zakat, dikendalikan oleh JHEAT di mana pungutan, taksiran dan agihan terletak di bawahnya, sedangkan pada masa yang sama kuasa bagi menyimpan wang dan harta zakat adalah termasuk di dalam kuasa MAJLIS.

Demikian juga di dalam prosedur pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa. Sesuatu fatwa yang hendak dikeluarkan mestilah dipohon melalui Pesuruhjaya JHEAT. Pesuruhjaya kemudiannya hendaklah menghantar permohonan kepada Yang Dipertua MAJLIS

di mana beliau sendiri bertindak sebagai Yang Dipertua seterusnya membawa permohonan itu kepada Jawatankuasa Fatwa untuk dipertimbangkan. Prosedur begini seolah-olah menonjolkan walaupun Jawatankuasa Fatwa berada di bawah MAJLIS, ia masih lagi dikuasai oleh JHEAT, berbeza dengan hakikat sebenar yang mengasingkan pentadbiran kedua-dua institusi ini.

Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan masih terdapat pertindihan kuasa di antara JHEAT dan MAJLIS.

Umumnya, pentadbiran hal ehwal Islam membahagikan pentadbirannya kepada beberapa institusi. Apa yang dapat diperhatikan kini, struktur organisasinya telah mula menampakkan kemantapan apabila setiap institusi berfungsi di dalam lapangan yang berlainan.

JHEAT sebagai institusi induk bertanggungjawab dalam kebanyakan aktiviti hal ehwal kewangan berbentuk Islam adalah diserahkan kepada MAJLIS untuk menguruskannya. Manakala Jabatan Kehakiman Syariah

bertindak mengawasi kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan dan tuntutan yang melibatkan umat Islam di Terengganu. Sementara YIT pula bergiat dalam lapangan dakwah.

Ini secara langsung membuktikan bahagian pentadbiran agama kini, tidak hanya tertumpu kepada satu bidang sahaja. Setiap bidang aktiviti sewajarnya mendapat perhatian yang sama dari pihak pentadbiran.

Nota Kaki

1 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Bil. 12 tahun 1986 Terengganu. Bahagian II, Seksyen 4.

2 Anggaran Belanja Mengurus 1989, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, hal. 101.

3 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam, Bahagian II, Seksyen 5(1).

4 Ibid.

5 Ibid. Seksyen 24.

6 Ibid.

7 Ibid. Seksyen 34.

8 Temubual Encik Che Mat bin Jusuh, Pengarah Yayasan Islam Terengganu pada 12hb. Jun, 1989.

Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam, Seksyen 32.

Temubual encik Baharudin Ismail, Ketua Penolong Pesuruhjaya Pentadbiran Am dan Kewangan, JHEAT pada 12hb. Jun, 1989.

# FASAL KETIGA

# AKTIVITI PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU

## 3.1 JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

JHEAT membahagikan aktivitinya kepada tujuh bahagian iaitu Aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam, Aktiviti Zakat, Aktiviti Dakwah, Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan, Aktiviti Penyelidikan dan Aktiviti Pendidikan.

### 3.1.1 Aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam

Aktiviti ini bergiat di dalam tiga unit iaitu Unit Pendaftaran, Unit Pembangunan Keluarga dan Unit Khidmat Nasihat.

#### a. Unit Pendaftaran

Unit ini bertanggungjawab mengendalikan urusan pendaftaran pernikahan, perceraian, rujuk, taklik dan sebagainya. Unit ini juga bertugas menyediakan surat-surat cerai, merekod, mendaftar serta membuka

fail-fail bagi setiap kes.

b. Unit Pembangunan Keluarga

Unit ini bertanggungjawab dalam perkhidmatan pembangunan keluarga menurut Islam termasuk perlantikan pendaftar dan juru nikah.

c. Unit Khidmat Nasihat

Unit Khidmat Nasihat bertugas menjawab semua pertanyaan dan persoalan yang timbul berhubung dengan masalah keluarga. Unit ini juga menyediakan khidmat nasihat kepada pasangan suami isteri yang menghadapi masalah keluarga dan cuba untuk menyelesai kannya. Selain daripada itu, unit ini ada menyediakan khidmat mengendalikan tuntutan nafkah, harta sepencarian dan mut'ah serta kebajikan wanita.

### 3.1.2 <u>Aktiviti Zakat</u>

Setakat ini, Aktiviti Zakat tidak mempunyai unit-unit kecil

fail-fail bagi setiap kes.

b. Unit Pembangunan Keluarga

Unit ini bertanggungjawab dalam perkhidmatan pembangunan keluarga menurut Islam termasuk perlantikan pendaftar dan juru nikah.

c. Unit Khidmat Nasihat

Unit Khidmat Nasihat bertugas menjawab semua pertanyaan dan persoalan yang timbul berhubung dengan masalah keluarga. Unit ini juga menyediakan khidmat nasihat kepada pasangan suami isteri yang menghadapi masalah keluarga dan cuba untuk menyelesai kannya. Selain daripada itu, unit ini ada menyediakan khidmat mengendalikan tuntutan nafkah, harta sepencarian dan mut'ah serta kebajikan wanita.

### 3.1.2 Aktiviti Zakat

Setakat ini, Aktiviti Zakat tidak mempunyai unit-unit kecil

kerana ianya masih berada di peringkat permohonan. Aktiviti ini bertugas mengendalikan urusan pungutan dan agihan zakat di seluruh negeri Terengganu. Ia juga bertanggungjawab dalam perlantikan amil-amil, menyediakan kursus bagi mereka serta membuat bancian mengenai pengeluar zakat, mengedar risalah-risalah berkenaan ibadat zakat dan mengambil tindakan terhadap penyelewengannya.

### 3.1.3 Aktiviti Dakwah

Aktiviti Dakwah mempunyai empat unit kecil di bawahnya yang mengurus perjalanan kegiatan dakwah dan kemaslahatan umat Islam di Terengganu.

a. Unit Ukhuwwah

Unit Ukhuwwah bertugas menyelaraskan kegiatan-kegiatan Islam di Terengganu disamping bertindak mengawal kebajikan anak-anak yatim Darul Falah, Perkaya, rumah-rumah kebajikan dan pusat-pusat pemulihan. Dalam pada itu, kebajikan para

mualaf, orang asli dan golongan fi sabilillah juga termasuk di dalam tanggungjawab unit ini. Unit ini juga mengurus khidmat-khidmat Islam di hospital, penempatan dan bantuan banjir serta bencana alam.

b. Unit Dakwah

Unit Dakwah pula bertanggungjawab mengendalikan dakwah (dalam) iaitu orang-orang Islam sendiri melalui ceramah-ceramah, seminar, kuliah-kuliah, forum dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat juga dakwah umum (luar) yang melibatkan orang-orang asli, animisma, orang-orang yangtidak beragama, penganut-penganut agama lain dan lain-lain lagi sebagai sasarannya. Unit ini juga terlibat dalam menganjurkan kursus-kursus dakwah, penyediaan khutbah, ucapan-ucapan rasmi, majalah, risalah dan lain-lain

bentuk sebaran. Disamping itu, ia juga bertanggungjawab dalam penyelarasan badan-badan di Terengganu, pengurusan jenazah dan perayaan-perayaan agama seperti Maal Hijrah, musabaqah, Isra' Mi'raj, Nuzul Quran dan sebagainya.

c. Unit Qaryah

Unit ini bertugas melantik pegawai-pegawai dan jawatankuasa masjid, surau dan sebagainya. Ia juga bertanggungjawab mengendalikan kelas-kelas dan ceramah agama di masjid dan surau setta lain-lain aktiviti bercorak keislam. Ini termasuklah mendiri dan memberi kebenaran mendirikan masjid dan surau serta pendaftaran Qiblat. Ia juga bertanggungjawab menentukansempadan masjid dan perkuburan serta tauliah mengajar.

d. Masjid Negeri

Bahagian ini hanya melibatkan kebajikan Masjid Negeri sahaja.

### 3.1.4 <u>Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan</u>

Aktiviti ini dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Penguatkuasaan dan Unit Pendakwaan.

a. Unit Penguatkuasaan

Unit ini bertindak sebagai badan penyiasat dan pencegah maksiat, kes-kes jenayah Islam seperti tidak bersembahyang Jumaat, tidak berpuasa, minum minuman yang memabukkan, mendirikan masjid tanpa kebenaran, tidak membayar zakat, mengajar tanpa tauliah, memberi syarahan di dalam masjid tanpa kebenaran, ajaran salah/sesat dan lain-lain kesalahan yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.

b. Unit Pendakwaan

Unit ini terlibat di dalam pendakwaan kes-kes yang termasuk di dalam bidangkuasa jenayah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 dan rayuan ulang bicaranya, juga menyimpan rekod-rekod mengenai aktiviti pengintipan, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan.

### 3.1.5 <u>Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan</u>[1]

**Aktiviti ini melibatkan seluruh** pentadbiran JHEAT dan kewangannya. Ia terbahagi kepada tiga unit iaitu Unit Perkhidmatan, Unit Kewangan dan Unit Pembangunan.

a. Unit Perkhidmatan

Unit ini melibatkan perkhidmatan dan perjawatan. Ia mengendalikan rekod-rekod perjawatan, perlantikan, pengesahan jawatan, cuti, pertukaran kenaikan pangkat, peperiksaan,

latihan, tatatertib dan pencen. Ia juga berfungsi sebagai urusetia kepada MAJLIS dan Jawatankuasa Perancangan bagi melaksanakan polisi-polisi yang telah dibuat oleh kedua-dua badan tersebut. Manakala di bidang perhubungan awam dan dokumentasi, unit ini bertangggungjawab mengendalikan bilik gerakan, taklimat, lawatan, perpustakaan, warta dan pekeliling.

b. Unit Kewangan

Unit ini bertugas menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan, mengendalikan urusan gaji, elaun, pembayaran bil serta pinjaman-pinjaman. Ia juga menyediakan penyelerasan jawapan kepada juru audit.

b. Unit Pembangunan

Unit ini bertindak mengawasi projek-projek pembangunan, keperluan sekolah-sekolah, masjid-masjid

dan surau termasuk pengurusan kos dan tapak projek. Ia juga bertanggungjawab menjaga keselamatan pejabat, kenderaan pejabat dan dewan-dewan sekolah.

### 3.1.6 Aktiviti Penyelidikan

Aktiviti ini bertanggungjawab mengkaji dan menyelidik masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Terengganu di dalam segenap segi termasuk ekonomi, sosial, kebudayaan, pendidikan dan perkembangan Islam.

Ini melibatkan penapisan terjemahan-terjemahan kitab, risalah, Al-Quran, Hadis serta tafsirannya termasuk rakaman dan perfileman.

### 3.1.7 Aktiviti Pendidikan

Aktiviti ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Pentadbiran Sekolah, Sekolah Menengah Agama dan Maahad Tahfiz.

a. Pentadbiran Sekolah

Pentadbiran Sekolah bertanggungjawab mengemaskan perjalanan pentadbiran sekolah-sekolah Menengah Agama Terengganu yang berhubung dengan perjawatan para guru dan kakitangan sekolah. Ia juga bertanggungjawab ke atas kemajuan pelajaran dan pengajaran serta biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar serta pembekalan peralatan sekolah, makmal dan sebagainya. bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas pegawai-pegawai perkhidmatan agama, lantikan guru dan kakitangan sekolah, pencen, cuti serta segala urusan kewangan (gaji, elaun dan sebagainya). Perancangan teknologi pendidikan, pengurusan dan penyusunan buku-buku teks juga termasuk di bawah unit ini.

b. Sekolah Menengah Agama

Bahagian ini lebih merupakan pentadbiran tersendiri sekolah-

sekolah tersebut. Ini termasuklah pengendalian peraturan dan disiplin sekolah. Setakat ini terdapat empat belas buah sekolah Menengah Agama di bawah kelolaan Aktiviti Pendidikan JHEAT dengan bilangan pelajar seramai 13,238 orang pada tahun 1989 dan bilangan guru seramai 705 orang.

c. Maahad Tahfiz

Maahad Tahfiz ditubuhkan dengan objektif untuk mengeluarkan pelajar-pelajar yang mahir dalam bidang Al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya disamping melahirkan hafiz-hafiz peringkat menengah yang membolehkan mereka memasuki maahad-maahad tahfiz atau pusat-pusat pengajian Al-Quran di dalam dan di luar negeri bertaraf diploma dan ijazah.

Maahad ini bertanggungjawab dalam mendidik para pelajarnya mengikut sistem dan kurikulum

yang telah ditetapkan serta bertindak mengawasi kebajikan para pelajarnya.

## 3.2 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Aktiviti MAJLIS dibahagikan kepada bahagian iaitu bahagian iaitu bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan, Wakaf, Baitulmal dan Pengurusan Projek dan Harta benda. Di sini dapat dilihat bahawa MAJLIS, disamping menjadi penasihat kepada DYMM Sultan, juga merupakan penggerak utama pentadbiran kewangan Islam Terengganu.

### 3.2.1 Pentadbiran Am dan Kewangan

Bahagian ini membahagikan tugasnya kepada dua unit pentadbiran iaitu Unit Perkhidmatan dan Unit Kewangan.

a. Unit Perkhidmatan

Unit ini bertugas mengendalikan urusan-urusan perjawatan seperti perlantikan, menyelaras, pencen, pengesahan perjawatan, peperiksaan,

cuti dan tindakan tatatertib. Ia juga bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan serta menjaga harta dan kenderaan MAJLIS.

b. Unit Kewangan

Unit ini bertanggungjawab mempasti kan perjalanan dan peraturan kewangan selaras dengan arahan perbendaharaan dan undang-undang. Ia juga bertugas menyediakan penyata tahunan, mempersahkan baucer-baucer gaji, elaun kakitangan dan ahli MAJLIS serta baucer-baucer perbelanjaan yang lain.

### 3.2.2 <u>Wakaf</u>

Aktiviti ini bertindak sebagai pengawal atau pemegang amanah dan juga bertanggungjawab memajukan harta-harta wakaf serta merancang supaya sumber-sumber wakaf dapat mendatangkan manfaat jangka panjang kepada pewakaf khasnya dan masyarakat

Islam amnya.

Di samping itu, bahagian ini juga bertugas menyediakan dan merekod harta-harta wakaf. Setakat ini, tanah wakaf yang terletak di bawah jagaan MAJLIS terdiri daripada:

i. Tanah-tanah wakaf am
ii. Tanah-tanah wakaf khas
iii. Tanah-tanah wakaf tapak kubur
iv. Tanah-tanah wakaf tapak masjid
v. Tanah rezab bagi tapak masjid dan surau
vi. Tanah rezab tapak kubur Islam
vii. Tanah rezab bagi tapak sekolah-sekolah Menengah Agama Terengganu
viii. Tanah-tanah wakaf zuriat
ix. Lain-lain tanah rezab yang masih belum dikenalpasti

Bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas Kumpulan Wang Wakaf dan penyediaan penyata tahunan. Juga menguruskan perwakafan, pengagihan faedah wakaf, khairat dan penggalakan amalan wakaf.

### 3.2.3 Baitulmal

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengawasi serta memperkembangkan harta-harta dan tanah-tanah Baitulmal. Ia juga bertugas mengendalikan urusan-urusan pemajakan dan sewaan serta jualan harta-harta tersebut.

Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab mengesan harta-harta yang tidak bertuan supaya dapat diserahkan kepada Baitulmal.

### 3.2.4 Pengurusan Projek dan Harta Benda

MAJLIS sebagai sebuah perbadanan telah dibenarkan dari segi undang-undang untuk menjalankan urusniaga.

Jadi, bahagian Pengurusan Projek dan Harta Benda merupakan bahagian yang ditugaskan untuk mempastikan pentadbiran, penyelenggaraan dan perjalanan projek-projek pembangunan MAJLIS berjalan dengan lancar.

mazhab-mazhab lain.[4]

## 3.4 Jabatan Kehakiman Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu pada dasarnya, dibahagikan kepada dua pentadbiran iaitu Unit Mahkamah dan Unit Pentadbiran/Kewangan.

### 3.4.1 Unit Mahkamah

Unit ini sebagaimana yang telah maklum bertugas mendengar, membicara dan menjatuhkan hukuman terhadap semua kes yang didakwa di bawah Enakmen Pentadbiran hal Ehwal Agama Islam 1986 dan Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985.

Unit ini juga mengurus penghantaran saman dan pengeluaran waran-waran tangkap dan geledah.

### 3.4.2 Unit Pentadbiran/Kewangan

Unit ini mengendalikan urusan pendaftaran kes-kes dan kes-kes apil. Ia juga bertugas menyimpan

Bahagian ini juga bertanggungjawab memajukan dan menguruskan harta MAJLIS baik dari segi pembangunan mahupun dari segi pelaburan yang tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah digariskan oleh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.[2]

## 3.3 Jawatankuasa Fatwa

Jawatankuasa Fatwa bertanggungjawab mengeluarkan fatwa atau kaedah-kaedah pengertian sekiranya terdapat permintaan daripada individu atau pihak-pihak tertentu.

Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 memperuntukkan prosedur-prosedur yang perlu dilalui dalam proses pengeluaran fatwa dan kaedah pengertian oleh Jawatankuasa Fatwa.[3]

Di dalam membuat dan mengeluarkan fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah berpandukan kepada mazhab Syafie kecuali apabila terdapat kemaslahatan masyarakat yang perlu dipertimbang kan yang memerlukan pandangan daripada

rekod-rekod perbicaraan, menjaga keselamatan mahkamah, mengurus perlantikan panel hakim dan penerimaan wang denda dan jaminan.

Ia juga bertanggungjawab menjalankan urusan perjawatan kakitangan jabatan in serta mengendalikan urusan latihan kakitangan, peperiksaan, cuti dan pencen mereka.

Jabatan in mempunyai seramai 11 orang kadi yang bertugas di seluruh negeri Terengganu iaitu seorang Kadi Besar, dua orang Kadi Litar dan lapan orang Kadi Daerah iaitu dua orang di Kuala Terengganu dan seorang di setiap daerah.

## 3.5 Yayasan Islam Terengganu

Yayasan Islam Terengganu ditadbir menerusi lima bahagian aktiviti yang bertindak sebagai penggerak kepada badan ini. Bahagian-bahagian tersebut ialah bahagian Pentadbiran, Penyelidikan, Pendidikan, Pelaburan dan Khidmat Masyarakat dan Dakwah.

### 3.5.1 Pentadbiran

Bahagian Pentadbiran sebagaimana di jabatan-jabatan lain, mengendalikan urusan pentadbiran YIT, menjaga kebajikan kakitangan dan bertanggung-jawab ke atas urusan kewangan termasuk urusan gaji dan elaun kakitangan.

Setakat ini terdapat seramai 114 orang kakitangan di YIT tidak termasuk Pengarah. Sementara itu dari segi kewangan, 80% daripada kewangannya adalah bersumber dari peruntukan Kerajaan Negeri manakala selebihnya 20% berpunca daripada perniagaan dan pelaburan.

### 3.5.2 Penyelidikan

Bahagian Penyelidikan YIT bergiat di dalam aktiviti penterjemahan buku-buku Arab dan Inggeris ke bahasa Malaysia. Untuk mengendalikan tugas ini, YIT telah menugaskan dua orang penterjemah khas yang mahir dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Namun begitu sehingga kini belum terdapat usaha daripada YIT untuk menerbitkan buku-buku tulisan sendiri.[5]

### 3.5.3 Pelaburan

Aktiviti bahagian Pelaburan banyak berkisar di sekitar pengurusan harta benda kewangan YIT. Ini termasuk lah urusan pembelian bangunan dan harta-harta, pelaburan di dalam syarikat-syarikat percetakan, Pelangi Air, ladang-ladang kelapa sawit, saham Kuala Lumpur dan lain-lain sektor yang bersesuaian dengan Islam.[6]

### 3.5.4 Pendidikan

Aktiviti Pendidikan YIT terbahagi kepada dua bahagian iaitu pendidikan biasa dan pendidikan agama.

Pendidikan biasa lebih merupakan sekolah-sekolah persendirian yang dibina bagi membantu calon-calon persendirian yang akan mengambil peperiksaan SRP, SPM dan STPM. Sekolah-sekolah ini terdapat di semua daerah di Terengganu dengan jumlah pelajar seramai 1942 orang dan bilangan guru yang kurang daripada 100 orang.

Pelajar-pelajar ini dikenakan yuran bulanan sebanyak $10.00 bagi pelajar SRP, $15.00 bagi pelajar SPM, $20.00 bagi pelajar Tingkat Enam Rendah dan $25.00 bagi pelajar Tingkatan Enam Atas.

Manakala di bahagian pendidikan agama pula dikelaskan kepada empat bahagian iaitu:

a. Kelas Agama Petang

b. Kelas Asas Agama dan Al Quran

c. Bimbingan Agama Asrama

d. Kelas Agama Rakyat (Felda)

a. Kelas Agama Petang

Kelas agama petang ini dibuka untuk pelajar-pelajar sekolah rendah selama tiga hari seminggu. Sehingga kini terdapat 800 buah kelas yang telah dibuka di seluruh negeri dengan bilangan pelajar seramai 24,000 orang.

Pelajaran-pelajaran yang diajar dikelas ini melibatkan semua bidang agama Islam termasuk tauhid, fekah, tajwid, akhlak dan lain-lain lagi.

Sementara tenaga pengajarnya pula terdiri daripada guru-guru agama sekolah dan juga guru-guru lepasan SPM aliran agama yang diberi elaun bulanan.

b. Kelas Asas Agama dan Al-Quran

Kelas-kelas ini dibuka di surau-sura selama tiga kali seminggu iaitu hari Khamis, Jumaat dan Sabtu. Ianya terbuka kepada murid-murid yang berumur 12 tahun ke bawah.

Setakat ini terdapat 211 buah kelas yang dibuka dengan bilangan pelajar seramai 7,385 orang. Mata pelajaran yang diajar juga merangkumi seluruh aspek pengajian Islam berdasarkan buku-buku teks yang sama seperti di kelas petang.

c. Bimbingan Agama Asrama

Kelas-kelas bimbingan Agama Asrama dibuka di sekolah-sekolah kerajaan yang mempunyai asrama dan sekolah-sekolah YIT sendiri dengan kerjasama para guru besar sekolah.

Di kelas ini. para pelajar diajar mengenai fardhu ain dan Al-Quran.

Kelas-kelas ini dibuka di waktu petang selama tiga kali seminggu yang memakan masa selama dua jam sehari bergantung kepada aktiviti sekolah.

Sebanyak 154 buah kelas telah dibuka setakat ini dengan bilangan pelajar lebih daripada 5,000 orang.

d. Kelas Agama Rakyat (Felda)

Kelas ini dibuka di tanah-tanah rancangan felda bagi mengajar pelajaran agama kepada penduduk-penduduk di sana. YIT setakat ini telah menugaskan seramai 50 orang guru untuk mengajar di kelas-kelas tersebut.

Selain daripada itu, bahagian Pendidikan YIT juga menyediakan kelas-kelas tadika di beberapa tempat di Terengganu iaitu di Permint Jaya, Besut, Kemaman, Dungun, Setiu, Kuala Berang dan Marang. Bilangan pelajar

setakat ini, ialah 1.221 orang dengan 55 orang tenaga pengajar dan 7 orang tukang masak.

Kurikulum yang diajar berbeza dengan tadika biasa tetapi telah diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan.[7]

## 3.5.5 Khidmat Masyarakat dan Dakwah

Bahagian ini mengadakan kelas-kelas agama di kampung-kampung setelah diselarskan dengan aktiviti JHEAT. Terdapat beberapa jenis kelas yang dibuka oleh YIT iaitu:

a. Kelas Agama Dewasa

Kelas ini dibuka seminggu sekali kepada penduduk kampung. Sehingga kini terdapat 2,000 orang pelajar yang menyertai kelas ini dengan tenaga pengajar seramai 535 orang.

b. Kelas Bimbingan Belia

Setakat ini YIT telah membuka tiga kelas percubaan yang mendedahka pengajian fardhu ain khusus untuk belia-belia di surau dan di balai raya. Kelas ini dibuka seminggu sekali.

c. Kelas Al-Quran Dewasa

Kelas ini dibuka sekali seminggu untuk orang-orang dewasa. Sebanyak 180 buah kelas telah dibuka dan mereka bebas untuk memilih guru-guru yang berkelayakan.

d. Kelas Al-Quran Kampung

Sebanyak 2,300 buah kelas yang telah dibuka di surau dan di rumah-rumah dengan bilangan pelajar lebih daripada 55,000 orang yang berumur 12 tahun ke bawah. Guru-guru ini diberi elaun sebanyak $100.00 seorang untuk tempoh tiga bulan, dan sekiranya jumlah murid melebihi 50 orang, jumlah ini akan ditambah menjadi $150.00. Selain daripada itu, mereka juga mendapat hadiah-hadiah berbantuk berbentuk wang yang seperti bonus lebih setahun berkhidmat dan hadiah Hari Raya sebanyak $150.00.

e. Kelas Berzanji

Sebanyak 140 buah kelas yang dibuka seminggu sekali. Selama dua tahun sekali akan diadakan musabaqah berzanji. Sementara guru-guru yang mengajar pula diberi elaun sebanyak $70.00 sebulan.

f. Usrah Berkelompok

Usrah-usrah ini dijalankan di masjid-masjid dan di surau-surau pada waktu-waktu tertentu.

Selain daripada ini, bahagian Dakwah mengadakan kelas-kelas kekal di Badan-Badan Berkanun di waktu pejabat. Terdapat 15 buah kelas yang telah dibuka di JKR dan FELCRA. Disamping itu, terdapat kelas-kelas yang tidak tetap seperti menganjurkan ceramah, seminar, kursus, forum dan sebagainya.[8]

Pada hakikatnya, institusi-institusi

pentadbiran hal ehwal Islam bergiat di dalam berbagai bidang dan lapangan sesuai dengan kegiatan harian umat Islam di Terengganu.

Sekiranya aktiviti-aktiviti ini dijalankan sebagaimana yang dirancangkan, penulis yakin hanya mampu menghasilkan natijah yang baik kepada masyarakat sememangnya memerlukan perhatian yang sewajarnya dari pihak yang bertanggungjawab.

Adalah mustahak bagi institusi-institusi ini untuk mencari jalan bagi melaksanakn setiap aktiviti di dalam pentadbirannya sebagaimana yang telah dimatlamatkan kerana setiap kemajuan yang diharapkan memerlukan kepada perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

## Nota Kaki

1 Temubual Encik Baharuddin Ismail .op.cit.

2 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Terengganu, Seksyen 138 - 154.

3 Ibid. Seksyen 25.

4 Ibid. Seksyen 26(1).

5 Temubual Encik Che Mat bin Jusuh . op.cit

6 Ibid.

7 Ibid.

8 Ibid.

# FASAL KEEMPAT

# MASALAH-MASALAH DALAM PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU

Tanggapan terhadap masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam dalam melaksanakan tugasnya perlu dibuat berasaskan kepada berbagai sudut. Ini disebabkan masalah yang dihadapi tidak hanya berpunca daripada satu sumber sahaja.

## 4.1 Pentadbiran

Sebagai penggerak utama institusi-institusi ini, bahagian pentadbiran tidak terlepas daripada menghadapi masalah.

Masalah paling besar yang dihadapi ialah dari segi kecekapan perkhidmatan dan pengurusan. Masalah ini sering menjadi perhatian tidak hanya kepada ketua-ketua jabatan malah kepada masyarakat luar juga, apa lagi kepada mereka yang sentiasa berurusan dengan pihak ini.

Keadaan ini mungkin berpunca daripada berbagai-bagai sebab. Yang pertamanya

mungkin berpunca dari kurangnya latihan kakitangan. Daripada kajian yang dibuat ternyata amat sedikit daripada kakitangan pentadbiran hal ehwal agama Islam yang menjalani latihan atau kursus-kursus, khususnya di dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Hal ini sebenarnya diakui sendiri oleh KPP Pentadbiran Am dan Kewangan JHEAT.[1] Amat malang rasanya, di tengah-tengah usaha kerajaan untuk mempertingkatkan mutu kerja dan memperbanyakkan pusat-pusat latihan perkhidmatan dan pengurusan seperti INTAN, kakitangan dari institusi agama tidak mendapat manfaat daripanya. latihan dan kursus sebegini dianggap penting kerana mutu prestasi kerja bermula dengan idea-idea baru yang bakal didapati oleh mereka disamping pengalaman pengalaman yang sedia ada. Pihak pentadbiran terutamanya perlu menitikberatkan hal ini dengan memperbanyakkan latihan kakitangan bukan sahaja kepada kakitangan-kakitangan yang sudah lima tahun perkhidmatan.

Selain daripada itu, beban tugas yang banyak ke atas seseorang kakitangan juga merupakan satu daripada sebab ketidakcekapan perkhidmatan. Ini berpunca daripada sistem

pembahagian tugas yang tidak teratur. Malah hampir keseluruhan daripada sampel kajian yang telah dibuat mengakui bahawa mereka pernah menerima arahan untuk melakukan kerja di luar bidang kuasa masing-masing. Walaupun ramai yang mendakwa mereka melakukannya dengan senang hati, tetapi yang menjadi persoalannya kini setakat manakah prestasi kerja yang menjadi tugas dan rutin mereka ditambah dengan tugas tambahan ayng diarahkan itu.

Apa yang sepatutnya, pihak pentadbiran perlu melengkapkan satu senarai tugas yang teratur dan agak lebih adil lagi setiap kakitangan dengan menentukan tugas dan bidang kuasa masing-masing. Dengan ini soal pertindihan tugas dan perlaksanaan kerja di luar bidangkuasa tidak akan timbul lagi. Secara tidak langsung mutu kerja akan dapat dipertingkatkan tanpa berlaku campurtangan daripada pihak luar.

Punca yang agak lebih ketara ialah kaedah perjawatan yang tertutup. Di JHEAT misalnya, kecuali KPP Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan serta kakitangan kumpulan C-11, seluruh kakitanganya merupakan pekerja di bawah Skim Perkhidmatan Negeri yang perkhidmatannya hanya terhad kepada JHEAT sahaja.

pembahagian tugas yang tidak teratur. Malah hampir keseluruhan daripada sampel kajian yang telah dibuat mengakui bahawa mereka pernah menerima arahan untuk melakukan kerja di luar bidangkuasa masing-masing. Walaupun ramai yang mendakwa mereka melakukannya dengan hati, tetapi yang menjadi persoalannya kini setakat manakah prestasi kerja yang menjadi tugas dan rutin mereka ditambah dengan tugas tambahan yang diarahkan itu.

Apa yang sepatutnya, pihak pentadbiran perlu melengkapkan satu senarai tugas yang teratur dan agak lebih adil bagi setiap kakitangan dengan menentukan tugas dan bidangkuasa masing-masing. Dengan ini soal pertindihan tugas dan perlaksanaan kerja di luar bidangkuasa tidak akan timbul lagi. Secara tidak langsung mutu kerja akan dapat dipertingkatkan tanpa berlaku campurtangan daripada pihak luar.

Punca lain yang agak lebih ketara ialah kaedah perjawatan yang tertutup. Di JHEAT misalnya, kecuali KPP Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan serta kakitangan

kumpulan C-11, seluruh kakitangannya merupakan pekerja di bawah Skim Perkhidmatan Negeri yang perkhidmatannya hanya terhad kepada JHEAT sahaja.[2] Sebarang pertukaran hanya boleh berlaku di sekitar jabatan ini sahaja. Hal ini sebenarnya melembabkan prestasi kerja para kakitangan. Sistem pertukaran yang seperti ini tidak akan menyelesaikan masalah yang timbul di satu-satu bahagian tetapi memindahkannya ke tangan pegawai yang baru bertugas. Seorang pegawai di bahagian Penyelidikan misalnya akan meninggalkan masalah yang dihadapi kepada pegawai baru untuk berpindah ke bahagian lain dan terpaksa menanggung beban dan masalah baru yang ditanggalkan oleh pegawai yang bertugas sebelumnya. Keadaan ini akan berulang apabila berlaku pertukaran seterusnya. Ini mengakibatkan sukar untuk menukarganti para pegawai dan kakitangan yang berkelayakan dan sesuai dengan tugas yang tertumpu di JHEAT. Hal ini juga berlaku di institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam yang lain.

Sejak akhir-akhir ini, pihak kerajaan mula memberi perhatian untuk membuka

perkhidmatan kepada beberapa kumpulan kakitangan agar tidak tertutup di satu-satu jabatan sahaja. Jadi sejajar dengan perhatian yang diberi ini, pihak pentadbiran institusi-institusi agama seharusnya menggesa agar usaha ini dipercepatkan lagi. Ini akan membuka peluang kepada kemasukan pegawai-pegawai yang berkelayakan ke institusi-institusi tersebut sekaligus menyelesaikan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan.

Satu perkara lagi yang akan menonjol di dalam pentadbiran agama ialah masalah kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat sebagai salah satu faktor yang boleh dijadikan motivasi di dalam menentukan prestasi kerja para kakitangan amat sukar di sini. Pada hakikatnya peluang kenaikan pangkat ini sememangnya terbuka kepada para pegawai, malangnya ia kurang didedahkan. Pada kebiasaannya, mereka yang bertugas dengan tahap keluaran Ijazah Sarjana Muda akan berpeluang mendapat kenaikan pangkat selepas lima tahun perkhidmatan. Tetapi di dalam pentadbiran agama, JHEAT terutamanya, keadaan ini tidak berlaku. Yang ada hanyalah pertukara sesama pegawai ke bahagian yang berlainan.

Institusi-institusi ini seharusnya lebih peka dengan keadaan tersebut dan cuba untuk memohon kenaikan taraf beberapa jawatan yang difikirkan perlu agar berada di tingkat yang sepatutnya. Ini memandangkan setengah-jawatan masih berada di tahap perkhidmatan yang rendah. Jawatan Penolong Pesuruhjaya misalnya, masih mempunyai aktiviti-aktiviti yang menempatkan para pegawai A-22 bagi jawatan ini sedangkan di aktiviti-aktiviti lain jawatan tersebut di isi dengan pegawai A-12. Ini menunjukkan ketidakselarasan di dalam perjawatan.

## 4.2 Kemudahan dan Kelengkapan Kerja

Tidak dapat dinafikan, kemudahan dan kelengkapan kerja merupakan faktir yang amat penting bagi menjamin mutu perkhidmatan.

Di institusi pentadbiran, kekurangan kemudahan kerja amat dirasai oleh para kakitangan. Di YIT misalnya, terutama di bahagian pendidikan, selain daripada kekurangan guru-guru mereka juga menghadapi masalah kekurangan tempat untuk membuka kelas-kelas yang saban tahun bertambah

bilangan pelajarnya. Setakat ini YIT hanya membuka kelas-kelas di balairaya, masjid dan surau. Bagi kelas agama petang, kelas-kelas dibuka di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini menimbulkan masalah kepada sekolah-sekolah yang mempunyai kedua-dua sidang pagi dan petang di mana kelas-kelas ini tidak dapat dibuka. Hal ini menimbulkan kerugian besar kepada pelajar-pelajar yang ingin mendapat pendidikan agama secara lebih khusus selain daripada pendidikan yang didapati di sekolah kebangsaan. Dalam hal ini, pihak pentadbiran sepatutnya mencari tempat khusus yang lebih sesuai dan lebih baik lagi sekiranya mereka mempunyai bangunan sekolah sendiri yang mempunyai sistem pentadbiran yang khas.

Selain daripada itu, ruang kerja yang sempit juga merupakan masalah bagi kakitangan. Ini dapat dilihat dengan jelas di YIT di mana para pekerjanya terpaksa bekerja di ruang yang sempit. Sudah tiba masanya YIT sebagai badan yang bergiat di dalam berbagai bidang dakwah untuk beribu pejabat di JHEAT dan MAJLIS yang kini beroperasi di Wisma Negeri bersama-sama beberapa buah jabatan lain. Malah Aktiviti Pendidikan

JHEAT terpaksa berpejabat di bangunan berasinga di Jalan Sultan Omar. Keadaan ini menimbulkan masalah di antara aktviti tersebut dengan pentadbiran induk JHEAT serta menampakkan ketidakselarasan penempatan pejabat.

Dalam pada itu, terdapat juga kekurangan kemudahan yang dihadapi oleh kakitangan institusi-institusi agama dalam menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Kekurangan kemudahan ini secara tidak langsung akan melemahkan semangat para kakitangan untuk menjalankan kerja masing-masing dengan baik. Sudah tentu ini seterusnya akan melibatkan mutu perkhidmatan mereka terhadap jabatan dan juga masyarakat.

Pihak berwajib di dalam pentadbiran agama sewajarnya mengambil inisiatif untuk mengenalpasti kekurangan-kekurangan ini dan memperbaiki mana-mana kelemahan yang ada.

## 4.3 Perlaksanaan Aktiviti

Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan, sikap dan sambutan masyarakat terhadapnya amat penting dan perlu diambilkira dalam menjayakan setiap aktiviti. Walaupun di dalam aktiviti yang berbentuk pendidikan sambutan amat menggalakka, tetapi sikap mereka berubah di dalam kegiatan-kegiatan hal ehwal agama yang lain.

Di bahagian Pelaburan YIT misalnya, masalah terbesar yang dihadapi ialah sikap penyewa-penyewa bangunan YIT yang tidak memberatkan pembayaran sewa. Setakat ini sahaja hampir $80,000.00 sewa yang telah digelapkan oleh para penyewa tersebut.[3]

Demikian juga dengan pengedar-pengedar buku terjemahan YIT.[4] Ramai di antara mereka yang berlaku tidak jujur dalam menjalankan kewajipan mereka.

Sikap masyarakat yang sedemikian sebenarnya menimbulkan banyak masalah kepada pentadbiran hal ehwal agama. Walau bagaimana pun, perlu juga ditanya mengapa masalah

seperti ini berlaku. Apakah boleh disalahkan kepada sikap masyarakat semata-mata. Atau masalah ini juga berpunca daripada sikap pihak pentadbir sendiri. Apa yang jelas, tidak sebarang tindakan tegas daripada pihak YIT merupakan faktor utama yang boleh dijadikan alasan. Dalam pada berlakunya penyelewengan demi penyelewengan oleh pihak penyewa dan pengedar-pengedar tersebut, YIT masih lagi berlembut tanpa membuat sebarang tindakan undang-undang, sedang pihak yang terlibat mengaut keuntungan sendiri.

## 4.4 Publisiti dan Penerangan

Publisiti dan penerangan yang jelas mengenai segala kegiatan pentadbiran hal ehwal agama seharusnya dilakukan dengan lebih meluas. Ini penting dalam mempastikan sambutan masyarakat terhadapnya. Lebih utama lagi ialah untuk menjamin kemaslahatan masyarakat Islam serta menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Daripada kajian yang dibuat, ramai di kalangan masyarakat yang kurang mengetahui

secara dekat mengenai institusi agama. Mungkin secara kasar mereka mengetahui tentang wujudnya institusi-institusi ini, tetapi bagaimana ia berfungsi di dalam masyarakat, bagaimana boleh berurusan dan mendapat perkhidmatan daripadanya tidak mereka ketahui. Ini berlaku kerana tiada penerangan jelas yang diberikan kepada masyarakat tentang aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan oleh institusi-institusi ini. Walaupun di dalam setengah-setengah aktiviti seperti zakat terdapat pengedaran risalah-risalah kecil mengenainya tetapi di dalam aktiviti lain tidak menampakkan sebarangusaha ke arah itu. Keadaan ini berkemungkinan boleh menjejaskan sambutan masyarakat terhadap khidmat yang diberikan oleh institusi-institusi pentadbiran hal ehwal agama. Tindakan yang lebih positif perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Suatu penerangan yang jelas mengenai perjalanan pentadbiran dan perkhidmatan aktiviti Pentadbiran Keluarga Islam, JHEAT misalnya, amat diperlukan oleh masyarakat. Ini memandangkan ia merupakan satu-satunya bahagian yang mengendalikan perkhidmatan

berbentuk demikian. Selain daripada itu, seminar-seminar dan kursus-kursus yang melibatkan masyarakat tanpa mengira lapisan juga perlu ditanam ke dalam jiwa masyarakat mengenai bentuk dan corak pentadbiran agama di negeri Terengganu. Dengan ini meraka akan lebih faham tentang fungsi pentadbiran hal ehwal agama dan lebih cenderung untuk berurusan dengan institusi tersebut.

## 4.5 Kekurangan Kakitangan

Kekurangan kakitangan, yang berkelayakan terutamanya adalah di antara masalah terbesar yang dihadapi oleh pentadbiran hal ehwal agama.

Di MAJLIS contohnya, oleh kerana kebanyakan jawatan masih berada di peringkat permohonan, kekurangan kakitangan begitu dirasakan oleh pihak pentadbiran. Setakat ini, kebanyakan kakitangan MAJLIS adalah dipinjam dari Unit Perkhidmatan, Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan JHEAT. secara tidak langsung ianya melibatkan KHEAT sedangkan kedua-duanya merupakan dua pentadbiran yang berasingan.

Dalam hal ini, kemasukan para pegawai dan kakitangan baru yang berkelayakan ke MAJLIS harus disegerakan bagi menghasilkan perkhidmatan dan pengurusan yang tersendiri dan tidak bergantung kepada JHEAT. Ini penting bgai menyegerakan perjalanan operasi organisasi baru MAJLIS.

Selain daripada MAJLIS, pentadbiran JHEAT sendiri juga menampakkan kekurangan pegawai terutama daripada Kumpulan B, iaitu pegawai kerja. Ramai di antara pegawai yang terdapat di dalam pentadbiran JHEAT ialah pegawai Kumpulan A dan C. Sementara pegawai Kumpulan B hanya terdapat dua orang iaitu pegawai kerja Akaun di Unit Kewangan dan seorang pegawai kerja di Unit Pembangunan. Aktiviti Pentadbiran Am dan Kewangan. Kekurangan pegawai kerja ini secara tidak langsung merupakan salah satu punca yang menyebabkan berlakunya masalah beban tugas yang banyak dan perlaksanaan tugas di luar bidangkuasa. Pihak JHEAT sewajarnya memohon banyak lagi jawatan di dalam organisasinya yang melibatkan pegawai kerja Kumpulan B.

Daripada masalah-masalah yang telah dikenalpasti, terdapat beberapa masalah yang boleh dianggap serius yang perlu diambil perhatian oleh pihak berkenaan. Ini penting dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan institusi-institusi pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu.

Contoh paling ketara yang berkaitan dengan pentadbiran ialah masalah latihan kakitangan dan pembahagian tugas yang lebih adil. kedua-dua masalah ini dirasakan perlu dipandang berat serta diambil langkah yang sewajarnya kerana ia merupakan teras bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkesan seterusnya menaikkan lagi prestasi kerja dan imej institusi pentadbiran agama di mata masyarakat.

Apa yang penting, pihak pentadbiran hendaklah lebih peka terhadap reaksi masyarakat mengenai perkhidmatan merreka. Mereka seharusnya lebih bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang teguran yang membina bagi memperbaiki dan menampung setiap kelemahan dalam pentadbiran dan pengurusan. Dengan ini sebarang masalah

akan dapat diselesaikan bersama dan masyarakat akan mendapat perkhidmatan agama yang lebih terjamin.

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

Nota Kaki

[1] Temubual Encik BaharudinIsmail, OP.cit.

[2] Ibid.

[3] Temubual Encik Che Mat bin Jusoh, op.cit.

[4] Ibid.

# FASAL KELIMA

# RUMUSAN DAN CADANGAN

## Rumusan

Pada hakikatnya perntadbiran hal ehwal Islam di Terengganu, telah membentuk organisasi yang agak membanggakan setelah mengalami banyak perubahan sejak bermula pentadbirannya beberapa abad dahulu.

Dari sudut sejarah dapat kita perhatikan bahawa pentadbiran Islam di Terengganu tidak banyak menghadapi gangguan-gangguan yang berkemungkinan boleh menghalang perkembangannya. Bermula dari catatan tarikh terawal dalam sejarahnya iaitu tahun 1303 M, di zaman pemerintahan Mandalika, kemudian berpindah ke zaman Telanai sehinggalah masuk ke era pemerintahan bersultan, kita dapati perkembangan agama Islam di Terengganu, berjalan lancar sehinggalah berlaku campurtangan pihak Inggeris di dalam pentadbiran negeri Terengganu pada tahun 1919 M.

Apa yang dapat kita pastikan dalam proses kemasukan unsur-unsur Inggeris di dalam pentadbiran negeri yang melibatkan juga pentadbiran hal ehwal agama Islam, sultan sebenarnya memainkan peranan

yang amat penting.

Sejarah menunjukkan bahawa Terengganu adalah di antara negeri-negeru yang terakhir yang menerima kemasukan Inggeris di dalam pentadbiran. Hal ini berlaku apabila Sultan Zainal Abidin III dengan berbagai usaha telah berjaya menghalang kemasukan mereka ke dalam pentadbiran negeri. Tetapi keadaan pula berubah apabila teraju pemerintahan berpindah ke tangan Sultan Muhamad setelah termaktubnya perjanjian 1919. Ini membuktikan bahawa kekuatan dan kelemahan untuk mempertahankan pentadbiran negeri daripada dimasuki kuasa Inggeris pada masa itu adalah terletak di tangan sultan. Inilah sebenarnya yang dialami oleh semua negeri di Tanah melayu ketika itu.

Dari sudut organisasi, perkembangan yang ada mula menampakkan kesan yang agak positif. Bagaimanapun, satu hal yang dapat dipastikan di sini, sejak bermulanya perntadbiran hal ehwal Islam di Terengganu, institusi-institusi kepada Pentadbiran ini lebih banyak membuat penekanan ke atas bidang pendidikan, baik di YIT sebagai sebuah badan yang bergerak dalam lapangan dakwah, maupun JHEAT sendiri sebagai institusi induk pentadbiran hal ehwal Islam di Terengganu.

Ini sememangnya satu perkembangan yang baik. Tetapi pihak berkenaan juga patut memberi penekanan yang wajar terhadap bidang-bidang lain seperti penyelidikan, zakat, baitulmal dan pentadbiran am khususnya.

Di bidang penyelidikan misalnya, apa yang dapat diperhatikan tumpuan terhadapnya agak kurang. YIT contohnya, hanya menjalankan aktiviti di dalam bidang penterjemahan buku-buku Inggeris dan Arab. Sedangkan bidang ini tidak hanya terhad kepada aktiviti tersebut sahaja. Penyelidikan yang lebih luas perlu dibuat berhubung dengan masyarakat Islam di Terengganu. Ini termasuklah di segi penghayatan mereka terhadap Islam, penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh institusi-institusi pentadbiran Islam, taraf hidup mereka bagi mengenal pasti asnaf-asnaf pembahagian zakat dan berbagai lagi corak penyelidikan yang melibatkan masyarakat.

Demikian juga dalam bahagian zakat. Pihak ini perlu mempergiatkan lagi usaha-usaha dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengannya baik dari segi taksiran dan agihan. Para pegawai yang berkelayakan perlu ditempatkan di bahagian ini bagi melancarkan lagi pengurusan zakat di

seluruh negeri. Dalam pada itu, masyarakat harus diberi kesedaran yang sepenuhnya tentang kewajiban mengeluarkan zakat baik zakat fitrah maupun zakat-zakat lain, seperti zakat pertanian dan perniagaan. Lebih menarik lagi sekiranya pihak yang berkenaan mampu menggubal satu undang-undang yang berkaitan dengan pengeluaran dan pengagihan zakat yang berfungsi menggariskan sistem dan peraturan zakat dengan labih teratur.

Sementara di bahagian baitulmal pula, pihak MAJLIS sewajarnya berusaha dengan lebih gigih lagi dalam usaha mempertingkatkan kumpulan wang MAJLIS, bukan sahaja dalam menambahkan harta-harta yang boleh dimasukkan ke dalam Baitulmal tetapi juga dalam usaha memajukan serta memperkembangkan harta-harta tersebut.

Dalam pada itu, corak pentadbiran hal ehwal agama juga patut dikemaskini dari semasa ke semasa. Setiap kelemahan dan kekurangan mestilah dikenalpasti dan diperbaiki secepat mungkin. Sementara itu, hubungan di antara pihak pentadbiran agama dengan masyarakat haruslah dijaga dengan baik supaya masyarakat tidak membuat tanggapan yang negatif terhadap mereka. Untuk ini sebaran mengenai peranan, tugas dan aktiviti yang dijalankan oleh

institusi-institusi agama perlu diperluaskan lagi.

Bagi menjamin cita-cita di atas tercapai, langkah yang utama diberi perhatian oleh para kakitangan dan pihak pentadbir khususnya ialah mempereratkan hubungan di antara para pegawai atasan dengan kakitangan bawahan, bukan dari segi hubungan sosial biasa tetapi dalam konteks kerjasama di dalam pekerjaan. Ini penting bagi menyelaraskan tugas yang dijalankan serta menjamin kesempurnaannya. Demikian juga dengan hubungan di antara setiap bahagian aktiviti. Contohnya, aktiviti Zakat boleh bekerjasama dengan Aktiviti Penyelidikan dalam mengenal pasti taraf hidup masyarakat untuk tujuan mewujudkan rangka pelaksanaan tugas pengagihan harta-harta zakat. Kerjasama yang begini akan membantu perlaksanaan tugas yang sempurna dan cekap.

Pada keseluruhannya, organisasi dan aktiviti yang dijalankan oleh institusi-institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam Terengganu telah banyak membantu umat Islam di negeri tersebut. Berbanding dengan bidangkuasa yang diperuntukkan, institusi-institusi ini boleh dianggap berjaya menggunakan setiap peluang yang ada. Yang menjadi masalah dan perlu diperbaiki hanyalah di segi pengurusan

dan pentadbirannya.

## Penutup

Hampir keseluruhan kajian yang dibuat adalah bertumpu kepada pentadbiran dan aktiviti serta masalah-masalahnya. Dari sini, beberapa masalah telah dikenalpasti, walaupun tidak menyeluruh. Beberapa saranan yang telah dibuat diharapkan dapat memberi manfaat kepada pentadbiran hal ehwal Islam Terengganu khususnya, baik dari segi pentadbiran sendiri maupun dari segi perlaksanaan aktivitinya di kalangan masyarakat.

# BIBLIOGRAFI

1. **Buku-Buku**


Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. Sistem Undang-Undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986.

Al-Attas, Syed Muhamad Naguib, The Correct Date of the Terengganu Inscription. Kuala Lumpur: Musuem's Department, 1970.

Drewes, G.W.J., New Light on the coming of Islam to Indonesia? "BIjdragen tot de Taal-Land-en Volkenkunde" Deel 124,4e aflavering, s-Gravenhage, 1968.

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Anggaran Belanja Mengurus 1989. Kuala Terengganu 1989.

Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Anggaran Belanja Mengurus 1990. Kuala Terengganu: 1989.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Maxwell. W.C. and Gibson, W.S. Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo, Suffolk Lane E.C: Jas, Truscott and Son Ltd., 1924.

Mohd Salleh Hj Awang (MISBAHA), Pesaka Suci atau Batu Bersurat Terengganu. Kuala Terengganu: H.C, Mohd Abd Rahman (HMBA), 1961.

_____, Sejarah Darul Iman Hingga 1337H - 1918M. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1983 (cetakan kedua).

_____, Terengganu dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918M (1337H), 1978.

2. **Jurnal dan Majalah:**

Abdullah Alwi Hj Hassan, Dr., Perlaksaan Undang-Undang Islan di Negeri-Negeri Malaysia - suatu ulasan. Diedit oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Kearah Merealisasikan Undang-Undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Fakulti Syarikah Akademi Islam Universiti Malaya, 1988.

Blagden, C.O, A Note on the Terengganu Inscription, JMBRAS Vol. II, 1924.

Khair bin Hj. Taib, Hj, Ketetapan Tarikh pada Batu Bersurat, Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, Mei 1981.

MISBAHA (Dato' Setia Jasa), Sepintas Lalu Catatan Sejarah Hal Ehwal Agama Terengganu Darul Iman, PESAKA V, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1989.

Paterson, H.S, An Early malay Inscription from Terengganu, JMBRAS Vol. II, 1924.

Shafie Abu Bakar, Perkembangan Keilmuan dan kesedaran Keislaman di Terengganu, PESAKA V, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1989.

_____, Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajaran di Terengganu, PESAKA, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1983.

Sheppard, M.C.ff, A Short History of Terengganu **JMBRAS** Vol. XXII, 1949.

Wan Hussain Azmi, Dr., Perkembangan Islam Dari Zaman Permulaan Hingga Kini, Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1981.

______, Islam di Terengganu Ketibaan dan Perkembangannya Hingga Abad Ke XIIIM, PESAKA IV, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1987.

3. **Undang-undang Dan Akta**

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Warta Kerajaan Negeri Terengganu, Enakmen Bil. 12, 1986.

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985, Warta Kerajaan Negeri Terengganu, Enakmen Bil. 12, 1985.

Perlembagaan Persekutuan, (Hingga 15hb April 1987).

Undang-Undang Bagi Diri Negeri Terengganu, 1911.

4. **Senarai Carta**

Carta 1 : Carta Organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

Carta 2 : Carta Organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Carta 3 : Carta Organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu.

Carta 4 : Carta Organisasi yayasan Islam Terengganu.

LAMPIRAN A

# CARTA ORGANIS
# JABATAN HAL-EHWAL
# TERENGGANU




**PETUNJUK:**

( ) Jawatan Sedia Ada.

⬭ Jawatan Naik Taraf.

* Jawatan Dipinjamkan Kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

Kedudukan pada 1.1.1989.

# CARTA ORGANISASI JABATAN HAL-EHWAL AGAMA TERENGGANU

CARTA ORGANISASI JABATAN HAL-EHWAL AGA TERENGGANU



I
GAMA

# CARTA ORGANISASI JABATAN HAL-EHWAL AGAMA TERENGGANU

**PESURUHJAYA HAL-EHWAL AGAMA**
**TING. TERTINGGI E A 0800 (1)**

---

**AKTIVITI PENTADBIRAN AM & KEWAN[GAN]**
Ketua Penolong Pesuruh[jaya] Tingkatan Tertinggi 'G' A 1[000]

- **UNIT KEWANGAN**
  - Peg. Kerja Akaun B 0900 (1)
  - Peg. Kerani Negeri
  - Ting. Kanan C 0300 (1)
  - Ting. Biasa C 1100 (3)
  - Rendah D 1100 (1)
  - Jurutaip D 1100 (1)

**AKTIVITI DAKWAH**
Pen. Pesuruhjaya [Ti]nggi G A1000 (1)

- **UNIT QARYAH**
  - Pen. Pesuruhjaya A 1200 (1)
  - Pen. Pesuruhjaya A 2200 (1).
  - Pemb. Tadbir Hal-Ehwal Islam:
  - Ting. Kanan C 0300 (2)
  - Ting. Biasa C1100 (75)
  - Guru Pelawat Agama Kat. C2 00800 (8)
  - Pegawai Kerani Negeri.
  - Ting. Biasa C 1100 (2)
  - Imam C1100 (15)
  - Pemb. Rendah Hal-Ehwal Islam D1100 (112).
  - Jaga D4600 (3)
- **MASJID NEGERI**
  - Pen. Pesuruhjaya A 2200 (1)
  - Imam C 1100 (3)
  - Pemb. Rendah Hal-Ehwal Islam D1100 (6).
  - Jaga D4600 (1)

**AKTIVITI PENGUATKUASAAN/ PENDAKWAAN**
Ketua Penolong Pesuruhjaya Ting. Kanan A 1200 (1)

- **UNIT PENGUATKUASAAN**
  - Pen. Pesuruhjaya A2200 (3)
  - Pegawai Penguatkuasa:
  - Tingkatan Kanan C 0300 (1)
  - Tingkatan Biasa C 1100 (29)
  - Pegawai Kerani Rendah D 1100 (4)
  - Jurutaip D 1100 (1)
- **UNIT PENDAKWAAN**
  - Pen. Pesuruhjaya A2200 (3)
  - Pegawai Kerani Negeri
  - Ting. Biasa C 1100 (1)
  - Pegawai Kerani Rendah D 1100 (7).

**AKTIVITI PENTADBIRAN AM & KEWANGAN**
Ketua Penolong Pesuruhjaya Tingkatan Tertinggi 'G' A 1000 (1)

- **UNIT PERKHIDMATAN**
  - *Pen. Pesuruhjaya A2200 (2)
  - Pegawai Kerani Negeri
  - Ting. Tinggi C0100 (1)
  - Ting. Biasa C 1100 (2)
  - Rendah D 1100 (8)
  - Jurutrengkas C 1200 (1)
  - Jurutaip D 1100 (12)
  - Pencari Fail D2600 (2)
  - Pelayan Pejabat D 2800 (9)
  - Penjaga Makam DI Raja D 2900 (5)
  - Pemandu D 4301 (12)
  - Mandor D 4500 (1)
  - Pekerja Am D 4700 (57)
- **UNIT KEWANGAN**
  - Peg. Kerja Akaun B 0900 (1)
  - Peg. Kerani Negeri.
  - Ting. Kanan C 0300 (1)
  - Ting. Biasa C 1100 (3)
  - Rendah D 1100 (1)
  - Jurutaip D 1100 (1)
- **UNIT PEMBANGUNAN**
  - Pegawai Kerja B 1100 (1)
  - Pegawai Kerani Negeri
  - Ting. Kanan C 0300 (1)

**AKTIVITI PENYELIDIKAN**
Ketua Pen. Pesuruhjaya Tingkatan Tertinggi 'G' A 1000 (1)

- Pegawai Kerani Negeri Tingkatan Biasa C 1100 (1)
- Jurutaip D 1100 (1)

**AKTI[VITI] PENDI[DIKAN]**
Ketua Pen. [Pesuruhjaya] Ting. Tertinggi [...]

- **PENTADBIRAN SEKOLAH**
  - Pegawai Perkhidmatan Pelajaran:
  - Kat. D1 T. Biasa A 1900 (2)
  - Kat. D3 T. Biasa A 1300 (1)
  - Kat. D3 T. Biasa A 2900 (1)
  - Kat. C2 T. Tinggi C 0100 (1)
  - Pegawai Kerani Negeri
  - Ting. Kanan C 0300 (1)
  - T. Biasa C 1100 (3)
  - Jurutaip T. Biasa D 1100
  - Pencari Fail D 2600 (1)
  - Pemandu D 4301 (2)
- **SEKOLAH MENE[NGAH]**
  - Pegawai Perk[hidmatan]
  - Pelajaran:
  - Kat. D1 T.T.G. ...
  - Kat. D1 T. Kh...
  - Kat. D1 T. Bia...
  - Kat. D2 T. Bia...
  - Kat. D3 T. Tin...
  - Kat. D3 T.Bias...
  - Kat. C1 T. Tin...
  - Kat. T1 T. Bia...
  - Kat. D1 T. Bia...
  - Kat. C2 T. Kh...
  - Kat. C2 T. Bia...
  - Kat. C2 T. Bia...
  - Panduan (14)
  - Guru Sement...
  - Pembantu M... C 1000 (8)
  - Pegawai Ker... C 1100 (11).
  - Pembantu Pe... Ting. Biasa C...
  - Penyelia Asra... C 1100 (16).
  - Pegawai Ker... D 1100 (9).
  - Jurutaip D 1...
  - Tukang Masa...
  - Atendan Ma...
  - Atenden Pen... D 2800 (14).
  - Pelayan Asra...
  - Jaga D 4600...
  - Buruh Am D...

# ORGANISASI
# L-EHWAL AGAMA
# ENGGANU



## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

**1 9 8 9**



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU



CARTA ORGANISASI YAYASAN ISLAM TERENGGANU
TAHUN 1989



CARTA ORGANISASI JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU




PETUNJUK:
( ) Jawatan sedia ada.

## CARTA ORGANISASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU

## MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

**HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**
TING. TERTINGGI 'G' A1000
(1)

**PENDAFTAR**
A1900
(1)

**[illegible] /KEWANGAN**

1. [illegible] Kerani Kanan
[illegible] (1)

2. [illegible] Kerani Ting. Biasa
[illegible] (1) /2/

3. [illegible] Ting. Biasa
[illegible] (1)

4. [illegible] Ting. Biasa
[illegible]100 /1/

5. [illegible] Am Rendah
([illegible] Pejabat)
[illegible] /1/

6. [illegible]
[illegible] /1/

**MAHKAMAH**

1. [illegible] Tadbir Hal Ehwal Agama
[illegible] Tingkatan Biasa
C2 105 (3)

2. [illegible]
[illegible] (1) /1/

( ) Jawatan Sediada

/ / Jawatan Baru Dipohon

# CARTA ORGANISASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU

## MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA TERENGGANU

**YANG DI PERTUA**
A1100 (1)

**PENDAFTAR**
A1900 (1)•

### PENTADBIRAN/KEWANGAN

1. Pegawai Kerani Kanan
   C0300 (1)•
2. Pegawai Kerani Ting. Biasa
   C1100 (1) /2/ •
3. Jurutrengkas Ting. Biasa
   C1200 (1)•
4. Jurutaip Ting. Biasa
   D1100 /1/*
5. Pembantu Am Rendah
   (Pelayan Pejabat)
   D2700 /1/*
6. Pemandu
   D4501 /1/*

### MAHKAMAH

1. Pem. Tadbir Hal Ehwal Agama
   Ting. Biasa C1100 (3)•
2. Penghantar Cepat
   D2700 (1) /1/•

PETUNJUK:

( ) Jawatan sediada.

/ / Jawatan baru dipohon.

* Perjawatan dari Mahkamah Tinggi Syariah.

CARTA ORGANISASI JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
KUALA TERENGGANU

YANG DI PERTUA
A1100 (1)

PENDAFTAR
A1900 (1)*

**PENTADBIRAN/KEWANGAN**

1. Pegawai Kerani Kanan
C0300 (1)*
2. Pegawai Kerani Ting. Biasa
C1100 (1) /2/ *
3. Jurutrengkas Ting. Biasa
C1200 (1)*
4. Jurutaip Ting. Biasa
D1100 /1/*
5. Pembantu Am Rendah
(Pelayan Pejabat)
D2700 /1/*
6. Pemandu
D4501 /1/*

**MAHKAMAH**

1. Pem. Tadbir Hal Ehwal Agama
Ting. Biasa C1100 (3)*
2. Penghantar Cepat
D2700 (1) /1/*

CATATAN:

( ) Jawatan sediada.

/ / Jawatan baru dipohon.

* Perjawatan dari Mahkamah Tinggi Syariah.

## CARTA ORGANISASI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KEMAMAN/ DUNGUN

**YANG DI PERTUA**
A1100 (1)

**PENOLONG PENDAFTAR**
B1100 (1)

**PENTADBIRAN AM DAN KEWANGAN**

1. Pegawai Kerani T/Biasa
   C1100 (2)

**MAHKAMAH**

1. Pem. Tadbir Hal Ehwal Agama T/Biasa
   C1100 (2)
2. Penghantar Cepat
   D2700 (2)

PETUNJUK:
( ) Jawatan yang diluluskan.

# CARTA ORGANISASI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BESUT/SETIU

YANG DI PERTUA
A1900 (1)

PENOLONG PENDAFTAR
B1100 (1)

PENTADBIRAN AM DAN KEWANGAN

1. Pegawai Kerani Ting. Biasa C1100 (2)

MAHKAMAH

1. Pem. Tadbir Hal Ehwal Agama Ting. Biasa C1100 (2)
2. Penghantar Cepat D2700 (2)

PETUNJUK:

( ) Jawatan yang diluluskan.

## CARTA ORGANISASI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH HULU TERENGGANU/ MARANG

YANG DI PERTUA
A1900 (1)

PENOLONG PENDAFTAR
B1100 (1)

PENTADBIRAN AM DAN KEWANGAN

1. Pegawai Kerani Ting. Biasa
C1100 (2)

MAHKAMAH

1. Pem. Tadbir Hal Ehwal Agama Ting. Biasa
C1100 (2)

2. Penghantar Cepat
E2700 (2)

PETUNJUK:

( ) Jawatan yang diluluskan.

IRAN B

[illegible] ملايو يغبوكراجاءن سدبري *

دڤربوات دانتارا وكيل دوليڽ يغمهامليا لاكي مها كواس راج بنوا اڠݢريس باية نواب يڠتراونام سير جون اندرسون [illegible] كبرنور تيك بواء نكري سيڠاڤورا ڤولو ڤينڠ دان ملاك دان هاي كبسرن نكري٢ ملايو يغبرسكوتو باكي دولي يغمهامليا لاكي مها كواس راج دانس تحت كراجاءن بنوا اڠݢريس *

دان يغمهامليا السلطان زين العابدين نامڤون ميلك دان مرنته كراجاءن نكري ترغکانو دان جاجهن سکلين باكي ديرين دان سکل نسل٢ن يغ منجادي كنتي سلطان يغ مرنته كراجاءن ترغکانو دان كتيك٢ ڤول سڤرت ترتيب استعادة ملايو ددالم كراجاءن ترغکانو *

فصل يغڤرتام

مک تله داكوئي اوله دولي يغمهامليا لاكي مهاكواس راج بنوا اڠݢريس دان يغمهامليا سلطان ترغکانو دڠن برتولوڠن٢ دانتارا كدوا ڤيهق كراجاءن اية * دمكين ڤول دڠن بيرڤ بيرڤ اورڠ٢ ساله اتو اورڠ يڠتله دتودوه اتو حكمكن كارن بارڠ كسالهن اتو دوس مڠيكوت سبكيمان ڤراتوران يغبرلاكو [illegible] دانتارا كدوا ڤيهق كراجاءن ايت *

دانلاڬي تله داكوئي دڠن [illegible] دان [illegible] دانتارا كدوا ڤيهق ايت دڠن [illegible]

[illegible]

[illegible] روميه باكي [illegible] ڤکاري [illegible] ايت *

فصل يڠکمبڠ

مک يغمهامليا لاكي مها كواس راج بنوا اڠݢريس مڠاكو دسبله ڤيهقڽ اكن منجاݢاكن كراجاءن دان نكري ترغکانو سرت جاجهنڽ اية درڤد مان٢ لڠڬران موسوه دري لوار بڠك دري سبب اين دان لاين٢ حال يغ سومڤاڽ اداله ڤکاوي٢ كاداءن بنوا اڠݢريس ايت اكن دبيبسكن ڤد مان٢ وقت دان ملالوي لاوت كاواسن نكري ترغکانو دان جاجهن دان منجالنكن اڤ٢ اختيار يغ ڤاتوت ڤد منجاݢاكن دري موسوه ايت *

فصل يڠکاءمڤت

مک يغمهامليا سلطان ترغکانو ايت برجنجي جكلو تيدق دڠن ڤرسوجوان دان كبڤكاڽ ڤيهق كراجاءن اڠݢريس [illegible]

[illegible]

## فصل يڠكتيك

مك بڬيهاملي لاكي مها كواس راج بنوا اڠكريس مڠاكو دڠسبله فيهقڽ اكن منجاݢكن كراجاءن دان نكري ترڠݢانو سرت جاجهنڽ اية درفد مان٢ لڠݢران موسوه دري لوار بلك دري سبب اين دان لاين٢ حال يڠ سومڠان اد نه فكاوي٢ كاداءن بنوا اڠكريس اية اكن دبيسكن فد مان٢ وقت ڤون ملالوي لاوت كاواسن نكري ترڠݢانو دان جاجهن دان منجالنكن اف٢ اختيار يڠ فاتوت فد منجاݢكن نكران موسوه ايت *

## فصل يڠكاءمت

مك بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو اهت برججي جكلو تيدق دڠن فرستوجوان دان كبوكاءن فيهق كراجاءن اڠكريس باداله كلفي بݢي كرمعاهدت سورة تربڬي اتو موافقت اتو اونوس مڠونوس دريحال فركارا٢ كراجاءن دڠن مان٢ كراجاءن لوار اتو مڽمفورنا دالم حال احوال فرنه لاين٢ نكري ملايو اتو ممبري كواس مڠمبيل تانه كلبين لبه درفد 5.00 ايكر دان لاين٢ تانه لبه درفد ٥٠ ٥٠ ايكر كند بيف٢ سورڠ يڠ لاين درفد انق دان رعية نكري ترڠݢانو دالاكي دنتفكن جك كيران رڠكيت ستراة سبب يڠبركهندقكن مرتوليس٢ سورت دريحال فكرجاءن كراجاءن داتارا بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو دان مان٢ كراجاءن لوار ملك سورة ايت هندقله اد دجالنكن دڠن جالن فيهق كراجاءن اڠكريس دان كند اهله بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو اهت برهارف اكن فرتولڠن دان ميلسيكن اف٢ فرسڠكوتن يڠ داتنارا كراجاءن ترڠݢانو دان كراجاءن لوار ايت *


## فصل يڠكتيك

مك بڬيهاملي لاكي مها كواس راج بنوا اڠكريس مڠاكو دڠسبله فيهقڽ اكن منجاݢكن كراجاءن دان نكري ترڠݢانو سرت جاجهنڽ اية درفد مان٢ لڠݢران موسوه دري لوار بلك دري سبب اين دان لاين٢ حال يڠ سومڠان اد نه فكاوي٢ كاداءن بنوا اڠكريس اية اكن دبيسكن فد مان٢ وقت ڤون ملالوي لاوت كاواسن نكري ترڠݢانو دان جاجهن دان منجالنكن اف٢ اختيار يڠ فاتوت فد منجاݢكن نكران موسوه ايت *

## فصل يڠكاءمت

مك بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو اهت برججي جكلو تيدق دڠن فرستوجوان دان كبوكاءن فيهق كراجاءن اڠكريس باداله كلفي بݢي كرمعاهدت سورة تربڬي اتو موافقت اتو اونوس مڠونوس دريحال فركارا٢ كراجاءن دڠن مان٢ كراجاءن لوار اتو مڽمفورنا دالم حال احوال فرنه لاين٢ نكري ملايو اتو ممبري كواس مڠمبيل تانه كلبين لبه درفد 5.00 ايكر دان لاين٢ تانه لبه درفد ٥٠ ٥٠ ايكر كند بيف٢ سورڠ يڠ لاين درفد انق دان رعية نكري ترڠݢانو دالاكي دنتفكن جك كيران رڠكيت ستراة سبب يڠبركهندقكن مرتوليس٢ سورت دريحال فكرجاءن كراجاءن داتارا بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو دان مان٢ كراجاءن لوار ملك سورة ايت هندقله اد دجالنكن دڠن جالن فيهق كراجاءن اڠكريس دان كند اهله بڬيهاملي سلطان ترڠݢانو

تقگران موسوه دري لوار ملك دري سبب اين دان لاين٢ حال يڠ سوڠڬان اد يه فكاوي٢ كاحاك بنوا اڠݢريس ايه اكن دبيسكن فد مان٢ وقت دون
ملايوي لاوت كاواسن نكري ترڠڬانو دان جاهن دان منجالنكن اف٢ اختيار يڠ داتوت فد منجالنكن يه كران موسوه ايت ٭

## فصل يڠ كأنم

ملك بݢيماني سلطان ترڠڬانو ايت برجنجي جكلو تيدق دڠن فرسوجوان دان كسوكاان فيهق كراجاءن اڠݢريس تياداله كلقي ... صحابت

سورة تربيت اتو موافقت اتو لوتوس مڠونيس دريحال فركارا٢ كراجاءن دڠن ... كراجاءن لوار اتو مڠنير دالم حال احوال فرنه لاين٢ نكري ملايو ...
ميري كواس مڠمبيل تانه كلين لبه درفد 5.00 ايكر دان لاين٢ تانه لبه درفد 30.00 ايكر كند يڠ ٢ سورڠ بڠلاين درفد انق دان رعية نكري ترڠڬانو

دالاكي دتنتكن جك كبران ربڠكيت سنتراة سبب بڠبركن مكن برتوليس٢ سورت دريحال فكرجان كراجاءن دنتارا بݢيماني سلطان
ترڠڬانو دان ماي٢ كراجاءن لوار ملك سورة ايت هندقله اد دحالكن دڠن جالن فيهق كراجاءن اڠݢريس دان كند ابله بݢيماني سلطان ترڠڬانو ايت
برهارف اكن فرتولوڠن دان ميلسيكن اف٢ فرسڠكوتن دانتارا كراجاءن ترڠڬانو دان كراجاءن لوار ايت ٭

اداون برسورة٢ براوتوس٢ دان برزيارة٢ انتر جالن برصحابت دان برجنة اتو يڠ سوڠڬان بڠلاين درفد فركارا كراجاءن ملك باٴيت تياداله
... دالم فرجنجين اين

[illegible]

... ١١ هاري بولن ربيع الاخر تاهن هجرة ١٣٢٨ برتوجوان فد 22 هاري بولن افريل تاهن مسيحي 1910

*Arthur Anderson* [signature]

Governor & Commander-in-Chief S.S. & Labuan, High Commissioner, F.M.S.

*E. Perrott* Major General
Comdg Troops SS

*F. T. ... [signature]*

[illegible]

نص اد الله كراجائن دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible] دان دولي يڠ مها مليا سلطان ترڠݢانو [illegible] مشاركن [illegible]

[illegible] دان اڤابيلا [illegible] سام [illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن سام [illegible] ترڠݢانو [illegible]

[illegible] كراجائن دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible]

[illegible]

[illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible] السلطان زين العابدين [illegible] ترڠݢانو

[illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible]

فصل [illegible]

[illegible] ترڠݢانو [illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible]

[illegible] لاكي نما بسركن سام [illegible]

[illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن سام [illegible] ترڠݢانو دان [illegible]

[illegible] كراجائن دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible]

[illegible] ترڠݢانو

فصل [illegible]

[illegible] ترڠݢانو [illegible]

[illegible] لاكي نما بسركن سام [illegible]

[illegible] دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن سام [illegible] ترڠݢانو دان [illegible]

[illegible] كراجائن دولي يڠ مها مليا لاكي نما بسركن [illegible]

[illegible] ترڠݢانو

[illegible]

[illegible]

[illegible]

فصل تکمله

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

فصل تکمله

[illegible]

[illegible]

[illegible]

فصل تکمله

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

فصل تکمله

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

٢٩ مايس ١٣١٢

١٥ جمادى الآخره [illegible]

LAMPIRAN D

# JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

## PESURUHJAYA-PESURUHJAYA HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

| BIL | NAMA | LANTIKAN | HINGGA | KENYATAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Tengku Sri Utama Raja (Tengku Ngah Umar bin Abdul Rahim) | 25.09.1919 | 19.09.1922 | |
| 2. | Tengku Sri Bijaya Raja (Tengku Chik Ahmad bin Abdul Rahman) | 1.08.1924 | 8.02.1929 | |
| 3. | Dato' Kamal Wangsa (Hj Wan Sulaiman bin Daud) | 10.04.1929 | 28.04.1930 | Pangku |
| 4. | Dato' Sri Amar DiRaja (Hj Ngah (Muhamad) bin Yusof) | 1.01.1932 | 25.08.1940 | Pangku |
| 5. | Dato' Bija Sura (Hakim Besar Trg) (Hj Nik Muhamad bin Hitam) | 19.09.1940 | 30.06.1942 | |
| 6. | Tengku Paduka Raja (Tengku Ismail bin Sultan Zainal Abidin Nasiruddin Shah) | 1.07.1942 | 12.07.1942 | |
| 7. | Duli Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah | 13.07.1942 | 29.07.1942 | |
| 8. | Sheikh Hasan bin Said Al-Yamani | 30.07.1942 | 12.12.1942 | |
| 9. | Dato' Perba DiRaja (Hj Wan Abdul Rahman bin Long | 12.04.1943 | 14.09.1943 | |
| 10. | Hj Ahmad Fuad bin Hassan | 15.09.1943 | 18.10.1943 | Pangku |
| 11. | Dato' Perba DiRaja (Hj Wan Abdul Rahman bin Long) | 19.10.1943 | 4.01.1945 | |
| 12. | Dato' Sangsura Pahlawan (Hj Wan Long Mohd Salleh bin Ahmad) | 1.07.1946 | 7.11.1951 | |
| 13. | Tengku Pekerma Wira (Tengku Wook bin Din) | 2.12.1951 | 21.05.1955 | |
| 14. | Dato' Bentara Luar (Hj Mohd Khalid bin Hj Abdul Rahman) | 22.05.1955 | 31.05.1960 | |
| 15. | Dato' Aria Negara (Hj Bacik bin Abdul Jalal) | 1.06.1960 | 17.08.1969 | |

| BIL | NAMA | LANTIKAN | HINGGA | KENYATAAN |
|---|---|---|---|---|
| 16. | En. Mustaffa bin Abdul Jamai | 30.10.1969 | 30.04.1970 | |
| 17. | En. Abu Johan bin Johar | 1.05.1970 | 1.09.1971 | |
| 18. | Tengku Sri Indera Raja (Raja Zainal Karib bin Harun Al-Rashid Shah) | 4.12.1971 | 31.12.1975 | |
| 19. | Tengku Sri Bijaya Raja (Tengku Abdul Jalil bin Tengku Sri Setia Raja) | 1.01.1976 | 15.01.1979 | |
| 20. | Dato' Bentara Dalam (Hj Wan Mohamad Nor bin Endut) | 16.11.1979 | 30.06.1981 | |
| 21. | Dato' Perwira Negara (Hj Wan Salleh bin Mahmood) | 1.07.1981 | 15.02.1988 | |
| 22. | Dato' Indera Guru (Hj Wan Abdul Manan bin Yaakob) | 16.02.1988 | Sekarang | |

# اتقان الملوك بتعديل السلوك

بهواسڽ اينله سوات اوندڠ٢ باݢي ديري كراجأن ترڠݢانو

قبول الجليل بݢندا السلطان الواثق بالله القوي المتين

السلطان زين العابدين - ترڠݢانو





بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الذي بيده الملك وهو على كل شيء قدير والصلاة والسلام على سيدنا محمد البشير النذير وعلى اله واصحابه نجوم الاهتداء والسراج المنير،

امابعد فيقول المتوسل بسيد المرسلين الواثق بالله القوي المتين السلطان زين العابدين - يغكنيك - يغدفرتوان بسر راج دياتس تخت سغكسان كراجأن نكري ترغكانو دان سكلين دائيرجاهن تعلقن،

كتهوي اوليهم بهواسن اينله سوات اونداغ٢ باكي ديري كراجأن ترغكانو يغ ميتاكن فونچا٢ بارغيغ بركنتوغ دغنديري دان منتوكن سكل ترتيب فرانوران يغ كنتاقن دياتس كيت دان كنتي٢ كيت، دان دياتس منتري٢ دان اورغ بسر٢ فكاوي٢ دان رعية ايسي نكري دان كنتي٢ مريك ايت سكلين، اياله بكيمان ترتيب دان فركارا يغ اكن كيت سبوتكن ددالم اونداغ٢ اين مك تله كيت نامكندي ,, اتقان الملوك بتعديل السلوك ,, يغ ملغكافي ددالمن ساة مقدمة دان ٥٢ فصل دان ساة خاتمة.

## „ المقدمة „

ملك اداله كمت زين العابدين السلطان بن السلطان احمد المرحوم يغ ممڤوڽاي حق دان مميليکي ممرنته کراجأن ترڠݢانو دڠن حقوق کراجأن کيت سرة دڠن ڤرستوجوان اتفاق اهلي٢ جماعه منتري دان مشورة کراجأن کيت دان لاين٢ اورڠ بسر٢ دان کنوا٢ نکري تله ممبغ دڠن ڤيکيران يغ سمڤورنا مڠتاکن ڤاتوة دان سيکڤا دياتس کيت ممبوات دان منديريکن سوات اونداڠ٢ باݢي ديري کراجأن ترڠݢانو باݢي دان کران ديري کيت سنديري دان باݢي دان کران کنتي٢ کيت سلطان راج يغ ممرنته کراجأن ترڠݢانو سڤاي مظاهر دان مڠکرنيا دان مهديهکن ڤرکوناءن باݢي کراجأن دان باݢي اهلين٢ دان رعية ايسي نکري سکلينڽ انشاالله تعالى اکن جادي برککالن دان تتڤ استعادة کراجأن کيت دان برڤنجاڠن توروڽ تمورون هيڠݢ سلما٢ان منجدي دان برصفة اونداڠ٢ باݢي کراجأن ترڠݢانو يغ تياد هاروس داءوبه .. دڤندا - دتوکر - داورڠ - دچچه اتو دبناساکن اداڽ „

ملک سسڠݢوهڽ کيت تله برکن سوک دان ريضا اله بربوات سڤرة يغ ترسبوة ددالم اونداڠ٢ اين باݢي کران ديري کيت سنديري دان وارث٢ کنتي کيت يأيت سلطان راج يغ ميليکي دان ممرنته کراجأن ترڠݢانو „

دمكين جوك منمري٢ دان اورغ بسر٢ دان كنوا٢ كراجأن كيت سوڠا ريضا دان سدي طاعة فد بسرناب دان مڠيكوت اكن مقصود دان كهندق ايت سئرت دمكين ايت،، دان فول اڤاله فرمهنن دان مقصود كهندق مريكئيت سكلينڽ باكي كران ديري مريكئيت سنديري دان وارث٢ دان كنتي٢ مريكئيت دان رعيت ايسي نكري سمواڽ، ملك تتكال برسواتوله مقصود دان كهندق يغترسبوت ايت ملك فد ماس كتيك اينله كيت مظاهركن سكل قانون دان شرط٢ يغترسبوت ددالم اونداڠ٢ اين دان اڤاله بارغيغ تله دفيكير دان دتبڠكن يغترلبه اولي مجدي اساس دان تلادان يغ كتنتوان دان كنتوان باكي كراجأن ترڠكانو انشاءالله تعالى .

" اعلم " دڠن حقيق كراجأن كيت تله كيت تتڤ دان لازمكن دباس كيت دان كنتي٢ كيت دان دباس كامو سكلين دڠن مماكي دان مڠيكوت طاعة دان مجوڠجوڠ اكن بارغيغ ترسبوت دان تركندوڠ ددالم اونداڠ٢ اين سكليڽ ،، كران سكلين يغ ترسبوت ددالم اونداڠ٢ اين سمواڽ بنرلاكي بتول دان تنتو تتڤ باكي نكري دان كراجأن كيت ملك ظالم دان ساله دان درهكاله دباس سياڤ٢ اورغ يغ اڠكن دان يغ مڠنكر ملاوان اكنديدي .

,, فصل يغفرتما ,,

فد مڽتاكن قاعده اطلاق راج دان وارث يغلاين دان افلي٢ كراجأن.

1 راج - يأيت يغمڽ مليا سلطان يغدفرتوان بسر ترڠكانو يغ ممرنته دان مميلكي سكلين كواس كراجأن ترڠكانو دان سكلين دأيره جاجهنڽ تعلقڽ ،، دان اڤاله كفلا دباس سكل ڤڠكت دان درجة ددالم كراجأن ترڠكانو ،،

2 وارث كنتي - يأيت يغدباكل كنتي راج بعني يغأمت مليا ،، يغدفرتوان مودا ،، ( باب ڤتكم وا ) (أ) (١) (١١١)

3 وارث يغفرتام - يأيت ڤترا راج يغ تيدق دان بلوم دباكل اكنديدي ،،

4 وارث يغكدوا ، يأيت قرابة٢ يغترلبه همڤير كفد سلطان ايت سكيراڽ كتيدأن وارث يغترطم اڤاله اكن كنتيڽ .

5 وارث يڠ عام اتو بعيدبڠ جاوه ,, يأيت وارث٢ ايڠبوله مڠكنتيكن جكك تمڤت٢ دان ڤڠكت بڠداننن ايت كون وڠ سڤرت يڠترسبوت ترتيبن فد فصل ٤ 8

(باب ڤرتام)
X،١٧)٢(١)(٢)
a) & (b)

6 منتري٢ ,, يأيت اهلي مشور كراجأن يڠ اد برڤڠكت سر دان مجابت دان منڠكوڠ ڤكرجأن نكري يڠدتڠڬوڠ اوله راج ديأنسن

7 كتوا٢ ,, يأيت اهلي٢ مشورة كراجأن يڠتياد داله بيلاڠن جماعه منتري دان ڤڬاوي٢ يڠلاين يڠترجمله ادا برڤڠكت سرة سڬل علما٢ دان اورڠ٢ كاي دان ڤڠهولو٢ بسر

8 جماعه ڤڠكوان نكري ,, يأيت اهلي٢ درفد دو ڤڠكت يڠترسبوت - منتري٢ دان كتوا٢ - اياله يڠدناماكندي فد شرع اهلي الحل والعقد يعني اورڠ يڠبوله برسوارا دان ڤكرجأن ميله مجديكن راج دان دالم ڤركارا يڠبسر٢

(باب ڤرتام)
(١)(٢) ×٢٠

## فصل يڠكدوا

### فد مپاتاكن شرط٢ راج

ملك هندقله راج يڠ ممرنته كراجأن ترڠڬانو سلما٢ڽ اداله اي براوݢام اسلام دان درفد بڠسا ملايو دان داره دكيڠ كتورونن سلطان٢ يڠ ممرنته كراجأن ترڠڬانو دان لاكي٢ سبڬيمان ترتيب دان شرط٢ يڠترسبوة فد فصل ٣ . ٤ . ٥ . دان سڤرت دمكين ايت جوك يڠ دكناكن وارث٢ كتي ايت دان سكلين وارث٢

(باب ڤرتام)
(١) ١١ ٧

## فصل يڠكتيك ترتيب راج

ملك راج يڠدبيلاڠ درفد راج يڠ اد اين هندقله اداي درفد داره داكيڠ يڠمها مليا السلطان زين العابدين - يڠكتيك - يڠدڤرتوان بسر بن السلطان احمد المرحوم يأيت سڬل نسلڽ٢ يعني سڬل كتورونن يڠماكي دڠن سبنرڽ ,, ملك تياد لوس دان تياد صح سكالي٢ دنريما دڤراجاكن يڠلاين درفد كتورونن يڠمهامليا السلطان زين العابدين ايت سلاكي اداكتورونن درفد نسلڽ٢ مليكن جيكاو اد كجاجين يڠ بسريڠ ميلاهي صفت راج٢ سڤرة كيلا يڠ بيسو اتوڤن اد مقوبأي صفت ككجين يڠتياد دبنركن اوله شرع مجدي راج

PERPUSTAKAAN ... NEGERI
TERENGGANU

## فصل ثكامڤت

جكلو تياد لاكي سكل كتورونن ذرية السلطان ايت.

مك جكلو كيران دابس دان تياد تڠڬل لاكي كتورونن ذرية نسب٢ يڠمان ملي السلطان زين العابدين ايت اتوڤون اد تتاڤي تياد لايق دڤراجاكن اوله كران سبب٢ سڤرت يڠترسبوة دالم فصل - يڠكتيك - ايت مك كتيک ايت هندقله دڤيله دان داڠكت منجديكن راج اكن سئورڠ يڠلاكي٢ درڤد كتورونن ذرية سلطان٢ يڠدانس دان دهولو درڤدان ڤول دمكياله برتيتي٢ درڤد سكل ذرية سلطان٢ يڠ ممليكي دان ممرنتهكن كراجأن ترڠڬانو هڠݢ سمڤي كڤد زين العابدين سلطان يڠترنام.

(باب دوا)
VII (2)

## „فصل يڠكليم„

جكلو كتيدأن سوان درڤد سكل كتورونن سلطان٢

مك جكلو كتيدأنله ڤول درڤد سكلين كتورونن يڠترسبوت دالم فصل يڠكتيك دان يڠكامڤت ايت اتوڤون اد تتاڤي تياد لايق دڤراجاكن سڤرة يڠتله دكچواليكن دالم فصل يڠكتيك ايت مك ترڤولڠله حال اين مميله دان مڠڠكت منجديكن راج ايت كڤد معلوم ڤيكيران دان مشورة كراجأن برسام٢ دڠن جماعة منتري دان اهل الحل والعقد تتاڤي دشرطكن يڠدڤيله دان دجديكن راج ايت سئورڠ لاكي٢ يڠ چوكڤ عمرن دان سمڤرنا عقل يڠبراوكام اسلام درڤد بڠسا ملايو ترڠڬانو دان رعية ترڠڬانو دان درڤد داره داݢيڠ يڠ مردهكا لاكي داكوي دڠن صح دان حلال دان بايك ڤرڠاينن بوله ممباچ دان منوليس. مڠورة - منوليس - بهاسن دان ممڤوڽاي طبيعة ڤراڠي يڠ بايك دان يڠتله لاكو يڠ كڤوجين

مك جكلو يڠدڤيله دان داڠكت جديكن راج ايت يڠلاين درڤد ترتيب دان شرط٢ يڠترسبوت ايت مك تياد اله لوس دان تياد صح.

(باب دوڤولوه تام)
XIV (2) (b) e
LVI (9)

## فصل يڠكدام

بأي راج منجديكن ڤكاوي٢

مك اداكواس باݢي راج ممباچ بوله منجديكن منتري٢ دان ڤكاوي٢ دان منترنكن كواس دان سكل ڤكراجأن دان كاجر٢ مريكئيت. دمكين جوك بوله ممبري درجة كبساران دان بوله ممبري ڤڠكت٢ اكن اكي مريكئيت.

(باب يڠ ترتام)
X II (1)
LVI (9)

## ڤصل يڠكتوجه

باكي راج مڠلواركن منتري٢ درڤد جواتنڽ

مك اديحق دان كواس باكي راج بوله ملڤس دان مڠلواركن منتري٢ دان ڤكاوي٢ درڤد جواتنڽ مك جكلو مريكئيت د بربوات سساته ملڠكر اونداڠ٢ كراجأن اتو بربوات ڤكرجأن يڠبردوسا ڤد حكم شريعة مك كسلاهن دان حكمن ايت مڠيكوتله بكمان تيمباڠن راج اتس مريكئيت.

## ڤصل يڠكدلاڤن

مستحق دياتس راج برمشورة

سسڠكوهڽ سكلين كواس نكري دان كراجأن سموان ڤد راج جوا تتاڤي لازم دان مستحقله راج ايت برمشورة دڠن سكل منتري٢ اتس اڤ٢ ڤكرجأن كراجأن دان ڤراتوران اونداڠ٢ن.

(باب يڠ ترتام)
X II (1)

## ڤصل يڠكسمبيلن

كواس راج وقت تياد حاضر اهلي مشورة

مك جكلو راج ڤيكيراكن سسات ڤكرجأن يڠ مجادي كچيكن دان كسناڠن اتو ڤركارا يڠ تاكوة مجادي كسوساهن ڤد حالن كتيك ايت تياد حاضر اهلي مشورة مك هاروسله دجالنكن دڠن ڤيكيران راج سنديري سهاج تتاڤي بيلا محاضر اهلي مشورة كلق لازمله ڤول دتيمبڠكن اڤ٢ ڤراتوران اتو اونداڠ يڠدجالنكن اوله راج٢ ايت. جكلو كيراڽ تياد برستوجوان دڠن اهلي مشورة مك بوليهله دهنتيكنديري.

(باب يڠ ترتام)
X II (1)

## ڤصل يڠكسڤولوه

راج بوله ممبري حكم سنديري

مك اداكواس باكي راج جكلاو سكيراڽ بوله ممبري حكم سنديري دياتس سكل ڤكاوي٢ يڠ ممڬڠ جواتن نكري اتو دياتس رعية نكري مك لاين٢ اورڠ تيدق بوله سكالي٢ ممبري حكم اتو ڤرنته دياتس ريكئيت ملينكن كڤلا٢ يڠتله دتنتوكن باكي ڤكرجأن ايت سهاج

( باب دفكدوا )
X (3)

## فصل يڠكسابلس

### راج بلوم چوكڤ عمر

ملك جكلو دجديكن راج دهولو درڤد عمرڽ ٢١ - تاهن ملك ددالم ماس يڠ بلوم چوكڤ عمرڽ ايت هندقله ادا سئورڠ مجدي ڤمڠكوڽ دڠن ڤيليهن منتري٢ كراجأن سام ادا درڤد داره داڬيڠ راج اتو تيدق - ملك سݢل ڤربواتن٢ راج يڠبلوم چوكڤ عمرڽ ايت دالم ڤركارا نكري ترتڠݢوڠله اتس ڤمڠكوڽ - جكلو تياد برتنتڠن ڤربواتنڽ ايت دڠن عادة اتو اونداڠ٢ نكري ملك اداله حق دان كواس باڬي منتري٢ ايت بوله منوڬراكن ڤمڠكوڽ ايت دان مڠڬنتيكن ڤمڠكو يڠلاين ڤول.

( باب دفكدوا )
XVI A

## فصل يڠكدوا بلس

### راج براڠكت بلاير

ملك جكلو راج هندق براڠكت دالم سواة ڤلايرن اتو ڤرجلانن سڠكاكن جاجهن ترڠݢانو ملك هندقله لبه دهولو درڤد براڠكت ايت دتنتوكن سواة ڤڠكوان راج دڠن اتوزان بݢمديكيركن ڤانوت ڤد ماس ايت ملك اياله مجدي كنتي راج دالم سننڬكانن راج ايت ڤد ڤكرجأن كراجأن يڠترعادة باڬي راج سنديري دان جيك راج براڠكت منڠڬلكن جاجهن ترڠݢانو ايت لبه درڤد ٣ تاهن لامڽ دڠن تياد سواة كعذورن يڠ مناهنكنڽ درڤد بالك اتو ڤكرجان يڠ ڤانوت اي برهنتي دڠن برلمأن ڤد سواة نكري اتو تمڤت ايت - ملك اداله حق دان ڤوا كواس باڬي مشورة كراجأن بوله ممبڠكن حال ايت دالم مشورتڽ هيڠݢ منداڤت كتتاڤن اداكه ڤانوت دنتي اكن راج ايت براڠكت بالك اتو تياد

دان جيك ڤانوت دنتي لاڬي ملك براڤ لام ڤول دنتيكن ايت - اتو ڤون ڤانوتنه دتتڤكن حالڽ ايت تياد هندق بالك لاڬي ملك كتيك ايت بوليهله دنتيق دان داڠكت اكن كنتيڽ سبكمان ترتيب يڠترسبوت ڤد فصل ٢ . ٤ . ٥ .

## ڤصل يڠكتيك بلس

### راج يڠداڠكت بهارو

مك اڤبيل سده دلنتيق دان داڠكت كن كنتبڠ ايت مك دسيڠكنله راج يڠ لاما ايت سڤرة سوده مناريق ديري درڤد كراجأن „ مك ترماسوق دان ترمعلومله اي ڤد اونداڠ٢ يڠبركنأن دڠن بكس راج „ دان جكلو بالڠكت راج يڠدمعلومكن كمدين درڤد دلنتيق دان داڠكت اكن راج بهارو مك تياداله كادأن بالكڠ ايت مواجبكن توروڠ راج كنتبڠ ايت درڤدتخت كراجأن دان ميرهكن كمبالي حق٢ كراجأن كڤداڽ ولو بالكڠ سهاري سبلوم كمدين درڤد دلنتيق دان داڠكت اكن كنتبڠ ايت سكاليڤون.

## ڤصل يڠكأمڤت بلس

### تكاهن دياتس راج

مك تياد تولس دان تياد صح سكالي٢ راج ممبوات ڤرجنجين اتو احتيار ملڤس اتو ميرهكن نكري دان كراجأنڽ اتو سواة بهاكين درڤد كواس كراجأن اتو حقوقڽ ايت كڤد سبارڠ منا٢ كراجأن اتو كڤد كواس٢ بڠسا ايروڤه اتو لايڽ „

مك جكلو راج چوبا ملالوي لارڠن دان تكاهن اين نسچاي دسيڠكنله اكندي مميهكن امانة يڠدلتقكن اتس سرة تياد صح ڤربواتن يڠدمكين ايت

مك تتكال ايت تياداله دواجبكن داتس اهلي٢ كراجأن دان سكل رعية برستيا لاكي دڠندي هاروسله دتورو كنديري درڤدتخت كراجأنڽ دان داڠكتكن كنتيڠ ڤولا.

(باب ترڤكدوا)
(٥) XII

## ڤصل يڠكليم بلس

### هاروس رج برهنتي درڤد كراجأن

مك جكلو راج يڠدياتس كراجأن تياد سوك مجدي راج هندق برهنتي دان مناريق ديري درڤد كراجأنڽ كارن سبارڠ جنس كمدوران سام ادا عذورن ايت ريضا اي مظاهركن اتو تيدق مك بوليله اي لڤس دان برهنتي درڤد مجدي راج سرة دڠن بكيڤ درڤد دمان٢ تمڤت يڠدكهندكين سام ادا ددالم مجلس ترڠكانو اتو دمان٢ نكري يڠتياد برسترو دڠن كراجأن ترڠكانو تتاڤي ڤد ماس راج هندق برهنتي ايت هندقله دڠن نيته دان ڤرڠكسيكن يڠدمكين ايت سكورڠڽ٢ تيڬ اورڠ منتري٢ كراجأن حاضر مڽقسيكن دڠن برسدا تاڠن ڤد سورة يڠدمڤركن جوڬ بسر كراجأن سرة دڠن ساليڽ تندا تاڠن راج ايت سنديري كمدين هندقله ممبريتاهو اوله جماعة منتري كڤد ايسي نكري دڠن سڬرا سرة دبرتاكن ڤول اكن سبابڽ٢ يڠ جدي

(باب يڠكدوا)
XIII (3)

فصل يڠكأم بلس

راج هندق برهنتي درفد كراجأن تياد ددالم نݢري

دان جكلو راج يڠ هندق برهنتي اتو مناريق ديري درفد كراجأنث ايت تياد اي ددالم نݢري ترڠکانو . رة ادا دالم سواة نݢري يڠلاين ملك تياداله شرطكن سفرت يڠترسبوت ددالم فصل ١١ . ايت تتاڤي دڠن مناڠ٢ اتوران يڠدڤربوات ڤد منتوكن دان منتسبكن كلاڤاسنث درفد مڠجدي راج ايت مداڤيله .

(باب يڠكدوا)
XIII (4)

فصل يڠكتوجه بلس

تكاهن دياتس بكس راج

ملك راج يڠ سده ملڤسكن ديري دان برهنتي درفد كراجأنث سفرة يڠترسبوت دالم فصل ١٥ - ١٦ . ايت تياداله بوله چمڤور اتو كڠكو ماسق مولوة دالم سباراڠ ڤركارا نݢري دان كراجأن سام ادا اي دودق دالم جاجهن ترڠکانو اتو جاجهن اسيڠ ملينكن دڠن تنتوت راج يڠ ممرنته كتيكث يڠدڤسرتأي اوله مشورة كراجأن اتو دڠن ڤرموهنن مشورة كراجأن يڠدتريما دان دڤركنن اوله راج يڠ ممرنته ايت .

(باب يڠكدوا)
XIII (6) (1)

فصل يڠكدلاڤن بلس

نفقه هيدوڤ باݢي بكس راج

ملك بكس راج ايت سام ادا اي دودق ددالم جاجهن ترڠکانو اتو دلاين٢ جاجهن يڠ اسيڠ اداله حق بݢيث بوله منداڤت بلنجا هيدوڤث درفد حاصيل نݢري يڠتياد لبه درفد سسوكو سڤرامڤت درفد جمله يڠدتنتوكن باݢي اڠكاتن هيدوڤث ڤد ماس اي مڠجدي راج يڠ ممرنته دان ادا حق ڤول بكس راج ايت بوله منداڤت سواة روم تمڤت كديامن يڠ لايق بݢيث جك ادا اي دودق دالم جاجهن ترڠکانو اد ڤون بلنجا هيدوڤ ايت همڤ انس جالن حكم شرع .

## فصل يڠكمبيلن بلس

### كسلاهن بكس راج

ملك جكلو سورڠ راج يڠ سوده ملقسكن دبري درفد كراجأنث ايت مڠاجوم٢ اكن اورڠ ڤد بربواة درهكا كڤد راج اتو موافقة دڠن سبارڠ اورڠ اتو كراجأن اسيڠ ڤد بربواة سسواة كچدرأن انس نكري اتو ڤايدهث ملك اداله حق باڬي كراجأن بوله مناهن اكن بلنجا ميدڤث دان دصيقنكن دي سڤرة اورڠيڠ بردوسا كڤد كراجأن دانلاكي حكلو اي چچفوري ماسق مولت دالم سبارڠ فركارا نكري نياد دڠن شرط سڤرة يڠترسبوت دالم فصل ۷ . ايت ملك اداله حق جوك باڬي كراجأن بوله مناهن اكن بلنجا ميدڤث دان لام ماس ناهنث ايت ترڤولڠله نيمبڠاڠنث كڤد راج يڠ ممرنته سرة دڠن مشورة كراجأن

## فصل يڠكدوا ڤوله

### جمله واڠ يڠدنتوكن باڬي بلنجا راج

ملك اداڤون جمله واڠ يڠدنتوكن باڬي بلنجا راج ايت هندقله ادا اي دڠن ڤاتوة دان چوكڤ ڤادان دڠن ڤڠكت دان مرتبة كبساران راج كراجأن ،، ملك اداله يڠدمكين ايت دڠن دتمبه دان دڤاتوت اوله مشورة كراجأن دانلاكي هاروس دتولسكن بلنجا راج ايت جك سنيلك ڤاتوت اوله مشورة كراجأن دڠن حال دان ماسث،،

دان تياداله سكالي٢ بوله داميل ڤضولي انس اڤا٢ ڤنداڤاتن راج ايت يڠمڠراوله درفد اوسهاث سنديري .

( باب يڤكدوا )
XIII (4)

## فصل يڠكدوا ڤوله ساتو

### بلنجا ميدڤ باڬي قرابت٢ راج

ملك بلنجا ميدڤ باڬي قرابت٢ راج ايت سمواث ترسره ڤد معلوم راج دڠن ڤرسكتوان مشورة كراجأن ڤد منتوكن بايقث ،، دان اداله قرابت٢ يڠ دتنتوكن ادا حق بوله داڤت

بانجا هيدف

١. استري٢ راج يڠبركاور ڤرمڤوري اتو تڠکو امڤوان

٢. ڤترا٢ دان ڤتري٢ راج

٣. سودارا٢ راج لاکي٢ دان ڤرمڤوان

٤. ايڤندا٢ دان بندا٢ سودارا راج

٥. انق٢ سودارا راج يڠ سوده مڠکت ايهندا بنداڽ

ملاٴينکن ڤڠلاٴين٢ درڤد يڠترسبوت ايت تياداله سکالي٢ حق بانجا هيدف درڤد کراجأن ملينکن جکلو اد کرنيا اياله سمات٢ اوله ڤنداڠن دان تيمباڠن راج دڠن ڤرسنجوان مشورة کراجأن تنبيه ادڤون ڤرابت٢ راج يڠ ليم يڠترسبوت دياتس ايت ملاٴينکن ياٴيت برسماله دانتارا ڤرابت راج يڠ تيه مرتبه اتو يڠ لبيه درڤد مرتبة دڠن مڠکت اتو لاٴينڽ

فصل يڠکدوا ڤوله دوا

ڤرابت٢ يڠبوله داڤت کرنيا لاٴين درڤد بانجا هيدف

جکلو ڤرابت٢ راج اد مڠکڠ جواتن کراجأن ملاٴينکن بوليهله داڤت کرنيا يڠدتنتوکن کران جواتنڽ ايت لاٴين درڤد بانجا هيدفڽ ملاٴينکن يڠدمکين سام دڠن ڤڬاوي٢ يڠ لاٴين جوک

فصل يڠکدوا ڤوله تيک (باب تمبهن تام)

(د) ×١٧

دجديکن منتري٢

ملاٴينکن اداله منتري٢ ايت دجديکن مريکئيت ڤکاري٢ بسر کراجأن دڠن تيته ڤرنته راج مبريت دان منرڠکن يڠدمکين ايت سڤاي منضحکن ڤڠکت٢ مرتبة دان سکل وظيفة مريکئيت ملاٴينکن جدياله مريکئيت ڤتولوڠ دان تمبالن يڠ خاص باڬي راج ڤد سکل ڤکرجأن٢ دان اڤبيل سوده دتنتوکن وظيفة مريکئيت ملاٴينکن ترڠکيڠلاه سکل حال احوال وظيفة يڠ دباتس مريکئيت سنديري٢

شهدان ملاٴينکن تياداله دڤ ڤلکن ڤد منجديکن منتري٢ ايت دڠن دکلواکن مريکئيت دان جکلو منتري بسر دان نايبڽ سکليڤون هڠاله کلاران ايت کأيلوفکن جوا٢ تتاڤي ترمعلوملاه ڤڠکتڽ دانتارا توليڽ٢ دان دالم سکل استعادة کراجأن دان ايسي نکري اوله کران حق جواتنڽ منجديکن منتري ايت

(باب يڠفرتام)
XIV (2)(b)

فصل يڠكدوا ڤوله امڤت

بيلاڠن٢ منتري

ملك هندقله اد جمله بيلاڠن منتري٢ ايت تياد كورڠ درڤد دلاڤن اورڠ دان تياد لبه درڤد دوا بلس اورڠ ملك يڠ كتوا درڤد سكل منتري٢ ايت يأيت منتري بسر اياله يڠدجديكن كتوا مشورة كراجأن „ دانلاݢي هندقله دجديكن منتري٢ ايت يڠبراݢام اسلام درڤد رعية ترڠݢانو٠

(باب يڠفرتام)
XV

فصل يڠكدوا ڤوله ليم

ستيا منتري٢

ملك هندقله تيڤ٢ منتري ايت مڠڠكتكن سومڤه يڠدسبوتكندي دڠن تندا تاڠن مريكئيت ددالم سورات دفتر بوك. يڠدتنتوكن باݢي يڠدمكين ايت دهداڤن دوا اورڠ شكسي درڤد ڤݢاوي٢ كراجأن يأيت سكورڠ٢ اداله سومڤه ايت ميتاكن ديري مريكئيت سبنرڽ براݢام اسلام دان درڤد رعية ترڠݢانو سرة مڠاكو طاعة دان برستيا دڠن راج دان كراجأن٠

فصل يڠكدوا ڤوله انم

لاراڠن دان نكاهن دياتس منتري٢ دان جماعة ڤڠكوان كراجأن.

ملك تياد اوليه دان تياد صح سكالي٢ منتري٢ دان جماعة ڤڠكوان كراجأن براختيار اتو برنوات سباراڠ ڤرجنجين دڠن سباراڠ بڠسا اتو كراجأن كران مقصود هندق ميرهكن نكري دان كراجأن ترڠݢانو اتو هندق مڠكورڠكن كواس دان حقوق كراجأن ترڠݢانو. ملك حكمن دڠݢركن لاراڠن دان نكاهن اين ترجاتوهله قد حكمن سورڠ٢ درهكا كڤد راج دان كراجأن توهنله دحكمكن دڠن حكمن يڠبرڤاداڽ دڠن دوسان .. دانلاݢي حكمن مريكئيت برنوات ڤكرجأن يڠتياد بايك ملك ترتڠݢوڠله دياتس مريكئيت سوراج تيدق تركنا سكالي٢ دياتس راج٠

(باب يڠفرتام)
XIV (2) (b)

فصل يڠكدوا فوله تيݢ

دچوكيكن جماعه منتري اتيبل كورڠ

مك اتيبل كورڠ بيلاڠن جماعه منتري بوليهله دچوكيكن سهولا دڠن فيليهن راج يڠدفرسنأي اوله جماعه منتري اتو دڠن فيليهن جماعه منتري يڠدفركنن اوله راج مك فد مجلس دان مماسقكن سأورڠ فكاوي دالم جماعه منتري ايت هندقله دڠن تيته راج سرة دفربوانكن سرة يڠبرجيلد سر كراجأن دان دسبوتكن سكالي اكن نام جواتنڽ

(باب يڠفرتام)
XIV(2) (b)

فصل يڠكدوا فوله دلافن

جكلو برلاينن٢ فيليهن مك ترفولڠله كفد راج دان منتري بسر

مك جكلو برلاينن٢ فيليهن راج دان جماعه منتري اكن سأورڠ يڠ هندق دجديكن دان دماسقكن دالم جماعه منتري ايت مك ترفولڠله حال ايت كفد راج دان منتري بسر اتو نأيب منتري بسر فد مسيغ دان منتوكن سياف يڠترلبيه بايكڽ.

(باب يڠفرتام)
XIV (2) (b)

فصل يڠكدوا فوله سمبيلن

مميله دان مجديكن منتري بسر دان نأيبڽ

اداڤون حال فد مميله دان مجديكن منتري بسر ايت سمات٢ حق باݢي راج دان فد مميله نأيب منتري بسر ايت حق باݢي جماعه منتري تتاڤي هندقله دڠن دفركنن اوله راج دهولو درفد دتتڤكنڽ.

فصل يڠكتيݢ فوله

شرط يڠدجديكن منتري بسر دان نأيبڽ

مك هندقله دجديكن منتري بسر دان نأيبڽ ايت سأورڠ يڠ سده سديا اد دالم بيلاڠن فكاوي٢ سر كراجأن دان سده مجدي اهلي مشورة كراجأن.

## ڤصل يڠكتيك ڤوله ساتو

منتري٢ بوله مموهن ڤتس درڤد جواتنڽ

ملك هاروسله باݢي منتري بسر دان نأيبڽ دان لاين٢ منتري بوله مموهن ڤتس درڤد جواتنڽ ملك اڤبيل دنريما اوله راج اكن ڤرموهننڽ ايت ترلڤسله اي درڤد جواتنڽ ,, تتاڤي تياد بوله مريكئيت منارين ديري درڤد مشورة كراجأن ملينكن دڠن ڤرموهنن يڠلاين ڤول جيك دنريما اوله راج ترلڤسله اي درڤداڽ دانلاݢي سڤنتياس ڤول ادا حق باݢي كراجأن بوله مميله دان ممستيكن لاݢي اكن ڤكاوي٢ بسر يڠتله ڤتس ايت اكن دجديكن اهلي ددالم جماعه منتري دان مشورة كراجأن

## ڤصل يڠكتيك ڤوله دوا

هاروس باݢي سسئورڠ مموهن رخصه

ملك هاروسله باݢي سسئورڠ ايت مموهنكن رخصه درڤد مڽوجوڠكن تيته ڤرنته مماستيكنڽ دالم جماعه منتري اتو مشورة كراجأن دان تياد دلازمكنديڽ ميتاكن سبب كعذورانڽ

## ڤصل يڠكتيك ڤوله تيݢ

اڤبيل ڤتس اتو كلوار سئورڠ درڤد جواتنڽ

ملك اڤبيل تله ڤتس اتو كلوار سئورڠ منتري اتو ڤكاوي يڠاد كلاران درڤد جواتنڽ دڠن تياد سوات كسلاهن اتو ڤون دڠن كسلاهن نسچاي ترچابوتله نام كلاران يڠ خاص باݢي چباتنڽ سهاج

(باب يقمرتام)
×١٧ (٥)

## ڤصل يڠكتيك ڤوله امڤت

هاروس باݢي تيڤ٢ منتري ايت مڠمبيل سومڤه درڤد توننڽ

ملك سيكيالله تيڤ٢ منتري ايت مڠمبيل سومڤه دان ممبري ڤيكيران درڤد توهنڽ اتس ڤركارا يڠ بسر٢ دان يڠ برة٢ يڠاد ددالم جواتنڽ سنديري تتاڤي واجب دان لازمله ترتڠݢوڠ باݢيڽ دان جاديت درڤد ڤكيرأن جواتنڽ ايت دباوه اي سنديري

فصل يڠکتيک ڤوله ليم

لازم اجتماع جماعه منتري

ملک هندقله جماعه منتري ايت اجتماع برهنتي سکوراڠڽ ٢ سبولن سکالي کران ڤکرجان نکري دان کراجأن اتو ڤون بيلا٢ ادا تيته ڤرنته راج ببوره اتو دڠن ڤرمنتأن منتري سبر اتو نايبڽ اتو تيک اورڠ درڤد جماعه منتري - ملک تياد دلازمکن اجتماع ددالم بولن رمضان اتو هاري٢ بسر اتو هاري کلڤاسن اورڠ رامي ملبنکن کران ضرورة

( باب يڠفرتام )
XIX

فصل يڠکتيک ڤوله انم

جوکڤ بيلاڠن سوات اجتماع

ملک ديلاڠکن چوکڤ سوات اجتماع جماعه منتري ايت سکوراڠڽ ٢ ليم اورڠ تتاڤي جکلو راج ادا حاضر برسام ڤد مجليس ايت مادائيله تيک اورڠ سهاج درڤد مريکئيت ملينکن بيلا ماس بڠدري تاه ڤکڤد سموا اهلي٢ بڠاد ددالم نکري اکن بڠدکهندقکي اجتماع ايت ملک کتيک ايت لازمله حاضر سکليڽ

( باب يڠفرتام )
XX X VI (٧)

فصل يڠکتيک ڤوله توجه

مشورة کراجأن

ادڤون مشورة کراجأن ايت اياله دکتاکن تمڤتڽ يڠ عام باݢي راج مقصودڽ ممبتواکن راج دان جماعه منتري ڤد متدبيرکن نکري دان رعية سڤرة سبوات . منداڠ . اتو مڠبهکن اونداڠ٢ دان ڤراتوران ملبنکن اوݢما دان حکم شرع ,, دان ممبکيرکن حال ممبواکن نکري دان معمارهکندي دان ممبري اختيار يڠ بايک ڤد منربيتکن - بصيل دان ممباپکن ڤرنيکأن دان ممبايکن اکن حال کدودوقکن رعية سرت مڠاداکن شور باݢي مڠکلکن امان ددالم نکري دان دائره تعلق جاجهن تيڠکاتڽ دان ممبهاراکن محبة ڤرصحبتن دان ڤرداماين دڠن لاين٢ کراجأن

( باب يڠفرتام )
XX VIII
LVI (٩)

فصل يڠکتيک ڤوله دلاڤن

دجديکن اهلي مشورة کراجأن

ملك هندقله دجديكن اهلي٢ مشورة كراجأن ايت منتري٢ دان ڤڬاوي٢ - كنوا٢ انو لاين٢ يڠدجديكن اوله راج دڠن شور جماعه منتري درڤد سوات ماس كڤد سوات ماس٢. دان هاروس ڤول داميل سئورڠيڠ مڠوباي علم دان ڤندداين يڠ داڤت مڠلواركن ڤونچا٢ ڤراتوران نكري دان بكل تدبير دان دجديكن دي كنوا مشورة يأيت لاين درڤد منتري بسر

(باب يڠفرتام)
XXVIII

فصل يڠكنيكڠ ڤوله سبيلن

دشرطكن يڠ جدي اهلي مشورة كراجأن

ملك هندقله دجديكن اهلي مشورة كراجأن ايت درڤد رعية ترڠݢانو نتاڤي تياد دشرطكن سموا مريكئيت درڤد يڠبراڬما اسلام دان بڠسا ملايو

فصل يڠكامڤت ڤوه

دشرطكن برستيا اهلي مشورة كراجأن

ملك هندقله تيڤ٢ اهلي مشورة كراجأن ايت مڠڠكت سومڤه ستيا كڤد راج دان كراجأن سرة مڠاكو اكن ممبري سكل شور ڤيكيران دان اختيار دڠن هاتي يڠ بتول دان نية يڠ كجيكن باڬي كسمڤرنأن دان كأونتوڠن نكري دان رعية

(باب يڠفرتام)
XXXIV

فصل يڠكامڤت ڤوله ساتو

چوكڤ بيلاڠن باڬي سواة اجماع مشورة كراجأن

ملك اداله چوكڤ باڬي سواة اجماع مشورة ايت . ٧ . اورڠ جكلو جمله سموا اهليڽ ايت تياد كوراڠ درڤد انم بلس اورڠ . دان لم بلس . ١٥ . اورڠ جكلو سموان تياد كوراڠ درڤد تيڬ ڤوله دوا اورڠ دان تيك ڤوله ساتو . ٢١ . اورڠ جكلو سموان تياد كوراڠ درڤد انم ڤوله امڤت اورڠ اتو لبه

(باب يڠفرتام)
XLIV(1)

فصل يڠكامڤت ڤوله دوا

لازم اجماع مشورة كراجأن

مك هندقله جماعه اهلي مشورة كراجأن ايت اجماع برهمڤون سکورڠ٢ دوا بولن سکالي كران ڤكرجأن نكري دان كراجأن اتو ڤون بيلا٢ ادا تيته ڤرنته راج ميمره اتو دڠن ڤرمنتأن جماعه منتري اتو ستڠه درڤد جماعه اهلي مشورة كراجأن يڠ تياد كوراڠ مريکئيت درڤد ستاروه. دان هندقله دبتاکن تيڤ٢ ڤكرجأن اتو ڤركارا٢ يڠ اکن دمشورتکن ايت ترلبه دهولو تيک هاري كند جماعه اهلي مشورة كراجأن. مك تياد دلازمكن اجماع ددالم بولن رمضان اتو هاري٢ بسر اتو هاري كلڤاسن اورڠ رامي ملينکن كران ضرورة

فصل يڠكأمڤت ڤوله تيك

حال دالم مشورة

مك اداله حال دالم مشورة كراجأن ايت سکلين اهلين٢ سموان سنارا جوا دانتارا مريکئيت مك تيڤ٢ سئورڠ درڤد مريکئيت دبياسكن برسوارا ڤد ميرتأي اتو برلاوان انس ڤكرجأن اتو ڤركارا٢ يڠ دمشورکن ايت دان لازم انس تيڤ٢ مريکئيت ميناکن ڤنداڤتانڽ سنديري سام اد برسلاهن اتو برسمأن دڠن تولنڽ مك اڤ٢ كڤوتوسن ڤبهق يڠ باڽق يلاڠن سوارا ايتوله يڠدترينا دان بوله دمعلومکن كڤد راج

فصل يڠكأمڤت ڤوله امڤت

تيڤ٢ حال يڠتله اتڤاق مشورة دتوليس اكندي

مك هندقله تيڤ٢ حال ڤكرجأن اتو ڤركارا يڠتله اتڤاق ددالم مجلس مشورة كراجأن ايت دتوليس اكندي دان دسمڤنکن ڤرايڠڤتنڽ دالم سوات دفتر. بوك. دڠن كسمڤرنأنڽ دان جك اونداڠ٢ اتو اتوران ڤكرجأن يڠبربکتأن دڠن ايسي نكري. ات هندقله دظاهرکن اڤبيل سوده داڤت كبناران درڤد راج دڠن دنتوكن مس يڠ اکن دهولی برلاکو اونداڠ٢ اتو اتوران٢ يڠتله دجديکن ايت

(دباب يڠ فرنام)

XII (I)

فصل يڠكأمڤت ڤوله ليم

جک تيدق مداڤت كبناران راج دياتس يڠتله دمشورکن

مك جکلو تياد دداڤتکن كبناران دياتس ڤكرجأن اتو ڤركارا يڠتله دمشورکن امت

مك بوليهله دباوا سمولا كدالم مشورة كراجأن قد كالي يڠلابن دڠكن سمفي تيك كالي مك جكلو تياد دبنركن جوك اوله راج مك تياداله بوله دباوا لاݢي كدالم مشورة ايت سبڠكن ساتو ناهن لمان دان كمدين درڤد ستاهن ايت كلق بوليهله دباوا فول مك ڤدكالي بڠكامڤت اين جكلو دتڠكن اوله مشورة كراجأن سترة دمكين ايت جوك تيباغن ديانس فركارا ايت مك هاروسله بوله دبنركن اوله راج كران يڠدمكين ايت تياداله تنصير لاݢي دياتس راج

## فصل بڠكامڤت فرله انم

## اونداڠ٢ دان عادة نكري

مك هندقله دجالن دان ڤرلاكوكن سكل اونداڠ٢ دان عادة٢ نكري دڠن عديل دان بنر اوله سكل محكمه كراجأن دان ڤكاوي٢ دان كاكي تاڠن كراجأن دانتارا سكلين رعيه نكري دان اورڠ٢ داڠڠ . يعنبرهنتي دان دودق برنايع ددالم سام اد ماكي سمنتارا اتو دڠن برلنجوتن ماسڽ

## فصل بڠكامڤت ڤوله توجه

## ايڠاتن كيجيكن كراجأن دڠن لاين٢ كراجأن

هندقله راج دان كراجأن برڠكانو ملازمكن دان منتڤكن ايڠاتن يڠ كيجيكن دان كأيلوقكن ددالم ڤرصحابتن محبة دانتارا دان دڠن كراجأن لاين٢ سام اد سمڤيراتو جاوه اسمنوا كراجأن بريتش - اڠكريس . سلما٢له ددالم ايڠاتن يڠ بايك برفنجاڠن دڠن برككالن جوا

## فصل بڠكامڤت ڤوله دلافن

## ممكاڠ ڤرجنجين تريتي

هندقله راج دان كراجان برڠكانو برڤكڠ دڠن تكوه دان تتف سرت بنول لوروس مڠيكوة دان ممڤرناكن شرط٢ ڤرجنجين - تريتي .. كراجأن يڠدڤربواة ڤد 12 هاريبولن ربيع الاخر تاهن 1328 ايت برتڤولن ڤد 22 هاريبولن افريل تاهن 1910

اتو جكلو دڤربواة ڤول لاين٢ ڤرجنجين دڠن منا٢ كراجأن ڤوزن بايك سلاكي تبدق اد بڠ صح دان تراڠ ظالم دان انياي ڤربواتن درڤد ڤيهق مريكئيت دان سڠا تبدق دبطلكن

(دباب تيݢكلوا) XXVIII

ڤصل يڠكاأمڤت ڤولوه سمبيلن

حق باكي راج دان كراجأن دان مشورتن

ملك اداله حق باكي راج دان كراجأن دان مشورتن بوله ممبايكي دان مبتول ممندا دان مڠبه اكن انوران٢ اتو اونداڠ٢ ددالم ڤكرجأن نكري دان كراجأن يڠ قد مبواة سكل تندا٢ دان الة٢ نكري دان كراجأن دان سكل ڤكرجأن دان درجة ڤڠكت سكل ڤكاوي٢ سڤاي بريزا دان دكنل ستڠه درڤد ستڠهن

ڤصل يڠكليم ڤولوه

دنتڤكن انوران اونداڠ٢ سلما بلوم دمسوركندي

ملك اڤ٢ انوران دان اونداڠ٢ اتو علامت سموين دان تندا٢ يڠ اد تڠه دجالن دان دڤاكي ايت هندقله دلاكو دان دتتڤكن دڠن كسنريان سلما بلوم دڤچه اتو دمنسوخكندي دڠن يڠ لاين

ڤصل يڠكليم ڤولوه ساتو

اوكما نكري دان اوكما لاين

سسڠڬهڽ نله دصيفتكن دان دسبوتكن دان دتتڤكن سدا٢ان كراجأن ترڠكانو اين كراجأن اسلامية يڠ ملايوية ايااله يڠدكتاكن اوكما نكري دان كراجأن منت تياداله بوله سكالي٢ سبارڠ اوكما لاين دجدي اتو دسبوت اوكما نكري . نسكالڤون بايق سكل بڠسا دان اوكما داماكن دان دبيركن ماسق دبم ددالم نكري دان جاجهن ترڠكانو •

ڤصل يڠكليم ڤولوه دوا

كسالهن يڠ ممبواة خيانة اتو جرب هندق بربوانڽ

ملك جكلو وارث كنتي اتو وارث يڠڤرتما اتو يڠكدوا اتو يڠچاو اتو منتري٢ اتو كتوا٢

اتو اهلي٢ دان سوكو٢ درڤد مريکئيت اتو لاينن اد برڤواة خيانة اتو مجوب هندق برڤواة سوات جالن اختيار ڠدصيئكنديي دڠن خيانة دياتس سئورڠ بڠترلبه ڤڠكت درڤدان سڤاي منداڤت ڤڠكت، ايت تكيڽ اتو باكي بڠالاين درڤدان ملك اداله ڤربواتن يڠدمكين ايت دتيمبڠكن سبسر٢ جاهة دان ساڠهڽ دان اداله حكمنڽ دياتس سئورڠ اتو سوات ڤاسوڠكن بڠبرشيبة اس يڠدمكين ايت درهكا – جكلو بوكن حكم ماني دكلواركنديي درڤد نكري دان دصيڤتكنديي دان سكلين كتورننڽ نياد سكالي٢ مڠوبأي حنوق لاكي يڠبوله موارثي تخت كراجأن ترڠكانو دان دسكين لاكي حق بڠدتنتوكن باكي مريكئيت درڤد كراجأن سڤرت ڤڠكتڽ دان بالجا هيدڤڽ دبرهنتيكن دان ترکمبالي ڤولڠ كڤد كراجأن.

### ڤصل يڠكليم ڤوله تيك

#### هاروس منبه دان ممبسركن اونداڠ٢ اين

ملك اداله حق كواس باكي راج دڠن اتفاق مشورة كراجأن بوله منبه اتو ممبسركن اونداڠ٢ اين درڤد سوات ڤاس كڤد سوات ماس ييلا٢ سهاج ڤاتوة دڤربواتكنديي يأيت دڠن اتورن يڠتياد مڠوبه تو ممبناسكن اساس دان مقصود اونداڠ٢ اين ،، ملك سڤرة دمكين جوك ادحق دان كوة كواس باكي راج دڠن اتفاق مشورة كراجأن اتو باكي مشورة كراجأن سهاج بوله منتو دان منتڤكن شرح٢ دان تفسير بچأن دان معنى٢ باكي سڤكل اتو سوات درڤد ڤصل اتو سباراڠ ڤركتأن اتو مفهوم٢ مقصودڽ يڠترکندوڠ ددالم اونداڠ٢ اين ،، ملك اتيل اد دڤربواة يڠدمكين ايت كران محديكن ترلبه بنا دان مقصوص ملك سكلين شرح٢ دان تفسير٢ بچأن دان معنى٢ يڠدمكين ايت كلق دنو دان دتتڤكنله مجدي دان دترما سڤرة سواة بهكين درڤد اونداڠ٢ اين جوك.

الخاتمة

نسأل الله حسن الختام بجاه سيدنا محمد عليه افضل الصلاة والسلام كيت زين العابدين السلطان . راج . يڠامڤوڽ حق ميلكي دان ممرنته كراجان نكري دان سكلين دأيره تعلق جاجهن ترڠݢانو . ممڤربوتكن اونداڠ٢ اين منجديكن سوات ڤساكا بڬينياد هاروس داوبه دڤندا . دڤجه . انو دهيلغ اكندي سكالي٢ هارڤ كيت انشاءالله تعالى منجدي كچيكن يڠ برڤنجاڠن دان برككالن سلام٢ڽ .

وصلى الله على سيدنا محمد واله وصحبه وسلم .

دڤربواة ددالم ترڠݢانو ڤد مجلس هاريبولن ذي العقدة تاهن هجرة النبي صلى الله على وسلم سريبو تيݢ راتس دوا ڤوله سمبيلن . ١٣٢٩ . برتولن دڠن ٢ ,١ هاريبولن نوفمبر تاهن مسيحي سريبو سمبيلن راتس سبلس . 1911 .

ملك ڤد مپتسيكن لولس دان كتتاڤن سرة ڤرستوجوان اتفاق سبكيمان يڠتله ترسبوة دان تركندوڠ ددالم اونداڠ٢ اتفاق اين اداله دمنريكن چڤ كراجأن دياتس ايت سرة كيت زين العابدين ڤون منوروتكن تندا تاڠن . دان سكلين اهلي٢ دان مشورة كراجأن يڠ حاضر منوروتكن تندا تاڠن ماسيڠ٢ دباوه اين .

والله خير الشاهدين

| | | |
|---|---|---|
| [illegible] | مصطفى بن محمد العبيد [illegible] | عبد الناصر بن محمد العبيد [illegible] عفى الله عنه |
| عبد الله بن عثمان | [illegible] | [illegible] |
| محمد [illegible] | [illegible] | عبد الرحمن بن [illegible] |
| الحاكم محمد صالح عفا الله عنه | [illegible] | محمد بن ابراهيم |

| | | |
|---|---|---|
| [illegible] | [illegible] | [illegible] |
| [illegible] | [illegible] | [illegible] |
| | [illegible] | [illegible] |

| | |
|---|---|
| [illegible] | [illegible] |
| [illegible] | [illegible] |

| | | |
|---|---|---|
| عبد الرحمن بن محمد العيدروس عفى الله عنه | مصطفى بن محمد العيدروس [illegible] | [illegible] |
| [illegible] | [illegible] | [illegible] |
| [illegible] | [illegible] | [illegible] |

[illegible]

[illegible] yang dihormati:

Saya [illegible] pelajar di Fakulti [illegible] Universiti Malaya yang sedang membuat [illegible] dari pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan Jabatan [illegible] Agama Terengganu dan Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu dalam [illegible] menyiapkan Kertas Projek saya yang bertajuk " [illegible] - [illegible] ".

[illegible] ini, [illegible], [illegible] saudara/i [illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

.........................

[illegible]